



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DIPERTUA:

Mengalu-alukan Kehadiran T. Y. T. Peng Chong dan Rombongannya
[Ruangan 3627]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 3628]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 3658]

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1982

Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 2), 1982

Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 3), 1982

Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 4), 1982

Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 5), 1982

Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 6), 1982

Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 7), 1982

Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 8), 1982

Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 9), 1982

Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 10), 1982

Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 11), 1982

Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 12), 1982

Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 13), 1982

[Ruangan 3659]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Akta Eksais, 1976—

Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan), 1982
Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan), 1982
Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan), (No. 3), 1982 } [Ruangan 3666]

Anggaran Pembangunan, 1983—

Jawatankuasa (Hari Kesembilan)

Maksud P. 29, P. 32 dan P. 65 [Ruangan 3669]

Maksud P. 34 [Ruangan 3716]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983

Jawatankuasa (Hari Kesembilan)—

Jadual:

Maksud B. 29 hingga B. 33 [Ruangan 3669]

Maksud B.34 [Ruangan 3716]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN
HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelébu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N., (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Bentong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (IPOH).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO' MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (HILIR PADAS).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

Yang Berhormat DR TAN SENG GIAW (Kepong).

- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Mengelembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin 22hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN YANG DIPERTUA

*Mengalu-alukan Kehadiran T.Y.T.
Peng Chong dan Rombongannya.*

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan bahawa Tuan Yang Terutama Peng Chong, Naib Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Kebangsaan Rakyat, Republik Rakyat China dan rombongannya sekarang sedang berada di dalam Dewan kita yang mulia ini. (*Tepuk*). Tuan yang Terutama berserta dengan rombongannya sedang dalam lawatan muhibah ke Malaysia sebagai tetamu saya selaku Speaker Dewan Rakyat.

Bagi pihak Parlimen Malaysia dan bagi pihak saya sendiri, saya mengalu-alukan kedatangan mereka ke dalam Dewan ini, khasnya dan ke Malaysia amnya. Kita berharap lawatan mereka akan mengeratkan lagi persahabatan di antara negara China dan negara kita dan akan membukakan banyak lagi pertukaran lawatan-lawatan di antara rakyat kedua-dua buah negara untuk mewujudkan persefahaman dan kemesraan.

Kita mengucapkan selamat kepada mereka (*Tepuk*).

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERDAGANGAN TEKSTAIL

1. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandang bahawa pengusaha-pengusaha kilang kain Malaysia baru-baru ini telah menuduh negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah mengambil sikap perlindungan yang ketat mengakibatkan bantutnya perundingan-perundingan bagi suatu perjanjian yang baru untuk perdagangan kain; Apakah langkah-langkah beliau bercadang mengambil untuk melindungi perusahaan kain kita.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang Dipertua, perdagangan tekstail antarabangsa adalah dikendalikan di bawah Peraturan Susunan Tekstail Pelbagai—Serabut Ketiga atau Multifibre Arrangement, MFA III: MFA III yang telah diperundingkan sepanjang tahun 1981 merupakan satu persetujuan bersama di antara negara-negara pengeksport serta pengimport tekstail yang mengambil kira kerumitan-kerumitan dan kesulitan-kesulitan yang boleh dikatakan semakin bertambah buruk di dalam perdagangan tekstail dunia.

Matlamat utama MFA adalah untuk menggalakkan perkembangan perdagangan tekstail dunia di atas

landasan yang kukuh dan teratur di samping mengelakkan gangguan-gangguan terhadap pasaran dan aliran pengeluaran tekstail di negara-negara pengeksport dan juga pengimport. MFA ini merupakan rujukan dan asas yang penting kepada setiap perundingan Perjanjian Duahala Tekstail, di antara negara-negara pengeksport dan pengimport.

Berasaskan peraturan-peraturan MFA tersebut, Malaysia telah berunding dengan pihak Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) bagi tujuan mendapatkan perjanjian tekstail yang baru untuk menggantikan perjanjian sekarang yang akan tamat tempohnya pada 31hb Disember, 1982, setelah berkuatkuaasa selama lima tahun.

Setakat ini sebanyak dua pusingan perundingan telah diadakan iaitu pada bulan Jun dan September 1982. Kedua-dua pusingan perundingan ini telah tidak menghasilkan sebarang persetujuan yang muktamad. Antara lain kesukaran untuk mendapatkan persetujuan adalah disebabkan pendirian pihak EEC yang enggan bertolak ansur dan enggan menerima cadangan-cadangan pengubahsuaian di dalam perundingan tersebut. Satu daripada peruntukan-peruntukan yang telah menjadi isu utama semasa perundingan adalah mengenai 'Anti-surge Mechanism'. Di bawah peraturan-peraturan yang dicadangkan itu EEC hendaklah dibenarkan menarik balik kuota yang tidak digunakan pada satu-satu tahun. Bentuk 'Anti-surge Mechanism' yang dicadangkan oleh EEC itu adalah tidak selaras dengan peruntukan-peruntukan di bawah MFA.

Sungguhpun setakat ini persetujuan Muktamad masih belum dicapai, kedua belah pihak akan sedaya upaya meneruskan usahanya supaya satu perjanjian yang baru dan sesuai didapatkan sebelum berakhirnya tempoh perjanjian yang ada sekarang.

Pada amnya memandangkan bahawa sikap yang lebih proteksionis makin bertambah di pasaran-pasaran tradisional, Kementerian saya telahpun memberikan panduan-panduan seperti di bawah kepada pekilang-pekilang tekstail Malaysia bagi menjamin keadaan di mana eksport barang-barang tekstail akan dapat terus meningkat:

- (i) Berusaha untuk menambahkan perdagangan di antara negara-negara sedang membangun di samping mencari pasaran-pasaran baru di negara-negara membangun yang tidak mempunyai dasar perlindungan yang ketat atas perdagangan tekstail;
- (ii) Mempastikan penggunaan (utilization) sepenuhnya kuota eksport yang diperuntukkan ke pasaran-pasaran yang mengenakan kuota, terutama sekali ke EEC dan Amerika Syarikat;
- (iii) Memberikan tumpuan kepada eksport barang-barang tekstail yang dianggap kurang sensitif dan tidak dikenakan sekatan kuota di pasaran yang berkenaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada benar bahawa baru-baru ini Persatuan Kilang-kilang Tekstail Malaysia ada berdialog dengan Kementerian khasnya dengan Yang Berhormat Menteri tentang masalah-masalah yang dialami oleh mereka berkenaan dengan aspek bekalan elektrik dan juga berkenaan dengan masalah tentang pengurangan cukai atas bahan-bahan yang diimport dari negara asing dan sekiranya benar, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah yang telah dapat dicapai di antara dua pihak?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang Dipertua, oleh sebab keadaan tekstail ini merosot oleh sebab kedudukan ekonomi dunia boleh dikatakan keseluruhannya terjejas. Jadi saya ada menjemput pekilang-pekilang tekstail ini untuk berbincang dan berdialog setakat mana yang boleh kita buat satu keputusan (solution) untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi perdagangan tekstail kita ke luar negeri iaitu mengeksport lebih banyak lagi dan di dalam hal ini kita juga membincangkan masalah bersabit dengan hal elektrik dan juga cara manakah yang kita boleh mengurangkan kos production tekstail—baju, blouse dan garment yang lain. Kita telah mengkaji keadaan ini dan saya akan membuat satu laporan kepada Kabinet memberikan cadangan-cadangan, mungkin tidak berapa lama lagi akan dilaporkan kepada Kabinet agar satu-satu tindakan yang baik untuk memberikan kebaikan kepada tekstail manufacturers ataupun pengeksport tekstail ini.

Tuan Tan Kook Hooi: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Eksport tekstail Malaysia ke Negara-negara Persatuan Ekonomi Eropah (EEC) sekiranya dibandingkan dengan import kain daripada Negara-negara Persatuan tersebut, adakah menguntungkan Malaysia. Jika tidak, apakah tindakan Kementerian berkenaan sedia mengambil supaya diseimbangkan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang Dipertua, bersabit dengan kain sahaja pengeksport-pengeksport kita sentiasa mengambil tumpuan kepada pasaran EEC dan juga pasaran-pasaran yang besar seperti US. Jadi, sebab itulah saya rasa tindakan-tindakan ini di bawah perjanjian MFA yang mana sekarang ini kita sedang berunding dan buat masa sekarang ini pada hari Jumaat

yang lepas pegawai-pegawai kita yang berkenaan telahpun pergi ke Brussels untuk berunding dan kita berharap satu tolak ansur akan dibuat oleh EEC supaya kemasukan barangan-barangan tekstail yang dibuat oleh Malaysia ini akan dapat bertambah lagi pada masa-masa akan datang. Maka dengan sebab itulah saya rasa setakat ini kita bergantung sangat di atas perjanjian ataupun persetujuan yang kita akan capai di antara EEC dengan Malaysia.

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan mengapakah negara kita sentiasa menghadapi masalah-masalah mendapatkan pasaran-pasaran di negara-negara EEC?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang Dipertua, bersabit dengan tekstail dan juga negara-negara EEC, ia ada kuota yang diberikan kepada kita negara-negara yang membangun. Jadi, masalah ini kadangkala kita hendak eksport lebih banyak satu-satu jenis dan juga ada kalanya mungkin kita tidak dapat memenuhi kuota satu-satu jenis tetapi kita berharap kuota ini akan dilonggarkan. Oleh sebab inilah sebabnya pada ketika ini kita mengadakan persidangan GATT supaya protectionism yang diamalkan oleh setengah-setengah negara yang telah maju (developed countries) melonggarkan cara-cara perdagangan mereka supaya dapat excess market iaitu pasaran kepada negara-negara ini bermacam-macam non-tariff barriers telahpun dibuat oleh setengah-setengah negara maju EEC ini seperti kuota dan juga mutunya. Itulah cara yang mana non-tariff barriers yang telahpun dikemukakan oleh negara-negara tersebut yang menyekat kemasukan barangan tekstail kita kepada negara-negara seperti negara-negara EEC ini.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan pasaran luar negeri yang semakin bertambah buruk, sama ada Yang Berhormat Menteri masih menggalakkan penubuhan kilang-kilang kain di Malaysia?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang Dipertua, saya rasa buat masa sekarang ini oleh sebab industri Tekstail ini tidaklah begitu baik di seluruh dunia maka pada fikiran saya betullah buat masa ini kita mengkaji sehalus-halusnya, saya rasa tidak perlu kita mengadakan kilang yang baru.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah sikap negara-negara Eropah terhadap perusahaan tekstail negara kita ini ada hubungannya dengan dasar pandang ke Timur negara kita?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang Dipertua, saya rasa pasaran EEC adalah satu pasaran tradisional kita. Saya rasa untuk menjualkan tekstail susah juga kita hendak menjual ke Timur, kerana seperti Korea ia mengeluarkan banyak kain dan Jepun pun banyak juga dan ada juga sekatan-sekatan non-tarif barriers seperti Hong Kong, Taiwan dan sebagainya. Saya rasa oleh sebab perdagangan kita ini mempunyai traditional market maka pasaran EEC perlulah kita meningkatkan seberapa yang boleh supaya pasaran kita bertambah di sana.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN—CAWANGAN KLUANG

2. **Tuan Quah Wee Lam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan oleh kerana Jabatan Pengangkutan Jalan (RTD) telah mengadakan cawangannya di setengah-setengah bandar di Johor, tetapi di bandar Kluang sehingga sekarang belum ada

ura-ura pun Kerajaan hendak mengadakannya pada hal jika dipandang dari segi kedudukan dan keadaan bandar sepatutnya di Kluang ini mendahului bandar-bandar yang tersebut. Oleh yang demikian bilakah agaknya cawangan ini hendak diadakan di Kluang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Umar): Tuan Yang Dipertua, penubuhan sebuah pejabat kecil Jabatan Pengangkutan Jalan di Kluang sebenarnya telah dirancang untuk Rancangan Malaysia Keempat. Tujuannya ialah untuk pembaharuan lesen memandu dan cukai jalan. Walaubagaimanapun, rancangan ini tidak diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat kerana satu kesukaran untuk mendapatkan tanah ataupun rumah kedai untuk dijadikan pejabat kecil Jabatan Pengangkutan Jalan dan kedua, yang lebih penting ialah jarak di antara Kluang dengan Pejabat Pengangkutan Jalan Batu Pahat hanya 46 kilometer sahaja, jadi penduduk-penduduk Kluang boleh mendapatkan perkhidmatan asas Jabatan Pengangkutan Jalan di Batu Pahat.

Dalam pada itu Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan yang ada di Negeri Johor, iaitu Pejabat Ibu Negeri di Johor Baharu, Pejabat Cawangan di Muar dan Pejabat-pejabat Kecil di Pontian, Mersing dan Batu Pahat yang ada sekarang ini didapati sudah mencukupi untuk memberi khidmat kepada keseluruhan Negeri Johor. Lagipun Pejabat Cawangan di Muar yang jaraknya kira-kira 104 kilometer daripada Kluang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama dengan Pejabat Ibu Negeri di Johor Baharu iaitu:

- (1) Pendaftaran dan pelesenan kereta-kereta motor;
- (2) Pengujian dan pelesenan semua kelas pemandu-pemandu kenderaan bermotor;

- (3) Perkhidmatan teknik, iaitu pengawalan mutu pembinaan dan keadaan mekanikal kenderaan-kenderaan bermotor;
- (4) Pengawalan dan penyelarasan perkhidmatan Pengangkutan Jalan di dalam semua aspek;
- (5) Pentadbiran dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan dalam Ordinan Lalulintas, 1958;
- (6) Memungut segala cukai dan bayaran berasaskan kepada peruntukan undang-undang yang tertentu.

Segala kemudahan-kemudahan yang ada di Muar boleh dinikmati oleh penduduk-penduduk di sekitar kawasan Kluang. Namun demikian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sedang merancang dengan telitinya untuk mengambil bahagian dalam semua Pusat Perkhidmatan Setempat yang akan ditubuhkan di seluruh Malaysia tidak berapa lama lagi. Kemungkinan bahawa Kluang adalah salah satu Pusat Perkhidmatan Setempat yang akan ditubuhkan adalah besar dan jika demikian Jabatan Pengangkutan Jalan akan mengambil bahagian dalam Pusat Perkhidmatan Setempat itu.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah kriteria yang menjadi asas kepada Jabatan Pengangkutan Jalan memilih satu-satu bandar untuk menubuhkan cawangan-cawangannya dan berapa banyak lagikah cawangan akan ditubuhkan?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, di antara asas-asas atau kriteria yang digunakan oleh Kementerian saya bagi menubuhkan Pejabat-pejabat Cawangan dan juga Pejabat-pejabat Kecil termasuklah kedudukan tempat ataupun bandar yang berkenaan jika dibandingkan

dengan Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan yang ada berhampiran dengan bandar ataupun pekan yang berkenaan. Yang kedua, ialah berdasarkan kepada bilangan penduduk dan juga kenderaan yang berdaftar di pekan ataupun daerah yang berkenaan. Yang ketiga, ialah dari segi potensi bagi bandar berkenaan untuk membangun di masa yang akan datang. Yang keempat, memandangkan keadaan ekonomi kita pada masa ini, ialah berdasarkan kepada kedudukan kewangan Kerajaan pada keseluruhannya.

Dari segi rancangan Kementerian dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan, akan cuba menubuhkan di antara 12-16 Pejabat-pejabat Cawangan dan di antara 22-30 Pejabat-pejabat Kecil di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengadakan cawangan di setengah-setengah bandar di Malaysia. Saya diberitahu jabatan cawangan baru itu cuma dibekalkan dengan mesin-mesin yang sudah dipakai (second-hand). Contohnya di Kulim, Kedah telah menyebabkan pejabat baru itu kadang-kadang kala tergendala. Saya ingin bertanya kenapakah semua cawangan pejabat pengangkutan jalan yang baru itu tidak dibekalkan dengan mesin-mesin baru?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, saya memberi jaminan bahawa kalau Jabatan Pengangkutan Jalan mendapat mesin yang baru dan boleh dihantar ke Pejabat-pejabat kecil yang berkenaan, mesin-mesin itu akan dihantar.

MINUMAN ARAK— PENGHARAMAN

3. **Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan

mengharamkan minuman arak yang lebih merbahaya kepada kesihatan daripada merokok, jika ya, bila.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sama ada meminum arak atau merokok lebih merbahaya kepada kesihatan, adalah sukar untuk dibandingkan. Kementerian Kesihatan sentiasa menasihatkan orang ramai melalui kempen pelajaran kesihatan bahawa individu-individu harus mengingati bahawa tabiat mereka sendiri boleh membawa kesan baik ataupun buruk dari segi kesihatan. Ini termasuk tabiat meminum arak ataupun merokok. Oleh kerana ini adalah pilihan individu-individu itu sendiri, soal mengharamkan minuman arak ataupun merokok tidak timbul sekarang dari segi kesihatan.

REKABENTUK BINAAN—BAYARAN AKITEK

4. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan berapa kali dan berapa peratuskah tiap-tiap kali, Kerajaan terpaksa membayar kepada Akitek bagi menggunakan rekabentuk binaan yang sama untuk bangunan-bangunan Kerajaan seperti:

Bangunan-bangunan Sekolah, Bangunan Masjid dan Bangunan Hospital, yang menggunakan rekabentuk bangunan yang sama. Adakah pihak Kerajaan bercadang menjadikan rekabentuk bangunan ini sebagai hakmilik Kerajaan dengan bayaran sekaligus sahaja.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, pada keseluruhannya Kementerian saya tidak menggalakkan khidmat Akitek Perunding bagi mereka bentuk

bangunan-bangunan Kerajaan melainkan kerja-kerja yang ditawarkan secara turnkey. Jika sekiranya perkhidmatan Akitek Perunding diambil maka pembayaran yang terlibat adalah mengikut jadual pembayaran yang telah dipersetujui di antara Lembaga Akitek Malaysia dengan Kerajaan.

Setakat ini pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan rekabentuk yang telah disediakan oleh Akitek Perunding sebagai hakmilik Kerajaan oleh kerana kegunaan selanjutnya rekabentuk tersebut tidak dapat dipastikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bangunan-bangunan sekolah yang dibina oleh Kerajaan kebanyakannya menggunakan standard plan yang telah direkabentuk oleh Jabatan Kerjaraya sendiri. Rekabentuk bangunan-bangunan hospital juga masih disediakan oleh Jabatan Kerjaraya, walaupun pelan struktur kerja-kerja awam, jentera letrik ada kalanya ditawarkan kepada Jurutera Perunding Rekabentuk bangunan masjid pula adalah menjadi pilihan Kerajaan Negeri masing-masing.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, mengikut soalan ini saya hendak tahu bayaran akitek kepada satu-satu rekabentuk itu adakah dibayar sebagai sekaligus ataupun dibayar berdasarkan kepada banyak bangunan yang dibina?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, seperti saya katakan tadi dalam jawapan saya, tiap-tiap bayaran bukan daripada Jabatan Kerjaraya, tetapi daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain, kita mestilah mengikuti tarif yang dikenakan oleh Lembaga Akitek Malaysia.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Menteri berkenaan kebanyakan projek lambat diwujudkan disebabkan kerana rekabentuk. Lazimnya berapa lama rekabentuk satu-satu projek yang sederhana memakan masa?

Tuan Yang Dipertua: Saya rasa itu tak berbangkit daripada soalan asal.

PERINDUSTRIAN GETAH

5. Tuan Yeoh Poh San minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah yang berkesan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menentukan kekukuhan dan perkembangan Perindustrian Getah yang mana penggunaannya telah banyak diperkatakan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang Dipertua, perkembangan sektor perkilangan yang berasaskan bahan mentah merupakan antara strategi utama Kerajaan dalam dasar perindustriannya. Projek-projek industri yang mempunyai kandungan bahan tempatan yang tinggi, teknologi yang 'sophisticated' dan berorientasikan eksport adalah diberikan perhatian yang sewajarnya. Dalam sektor perkilangan yang berasaskan getah, matlamat Kerajaan ialah untuk meningkatkan penggunaan getah asli tempatan dari 4.7% sekarang ini seboleh-bolehnya kepada 10% menjelang tahun 1990.

Untuk menjamin pertumbuhan yang pesat dalam industri yang berasaskan getah, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tertentu. Selain daripada menyediakan infrastruktur-infrastruktur, Kerajaan juga menyediakan galakan-galakan cukai kepada pengusaha-pengusaha yang mengeluarkan barang-barang buatan

getah seperti taraf perintis, kelonggaran cukai penggunaan tenaga buruh, galakan tempat kedudukan, kredit cukai pelaburan dan elaun tambahan modal. Jika keluaran-keluaran tersebut untuk dieksport, berbagai insentif eksport seperti galakan eksport, 'potongan kerana perbelanjaan anjuran di seberang laut' dan elaun susutan cepat boleh didapati.

Oleh kerana getah merupakan salah satu sumber bahan mentah tempatan maka industri yang berasaskan bahan ini adalah juga layak untuk mendapat galakan tambahan di bawah kriteria penggunaan bahan mentah tempatan. Di bawah Akta Galakan Pelaburan, sesebuah syarikat yang mendapat salah satu daripada galakan tersebut mungkin akan mendapat pengecualian cukai antara 7 ke 10 tahun bergantung kepada pelaburannya. Selain dari galakan yang disebutkan di atas, Kerajaan juga memberi perlindungan tariff dan pengecualian duti eksport ke atas keluaran-keluaran getah serta pengecualian duti import dan cukai tokok ke atas bahan-bahan mentah untuk tujuan perkilangan.

Pada masa sekarang terdapat kira-kira 130 buah syarikat pengeluar barang-barang getah dan 150 buah syarikat pencilup tayar berbanding kepada 40 buah kilang dalam tahun 1950an. Terdapat kira-kira 18,480 orang pekerja dalam sektor perkilangan yang berasaskan getah berbanding dengan 8,000 pada tahun 1972. Penggunaan getah tempatan dalam industri getah bertambah dengan kadar purata 13.6% setahun.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Newman Gaban: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi sedikit penjelasan berapa banyakkah pembelian atau

kemasukkan ke dalam Malaysia proses getah-getah atau dengan izin rubber products dari luar negeri.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang Dipertua, saya tidak boleh memberi angka oleh sebab ini saya minta notis di atas berapa tan dan sebagainya. Tetapi saya sukalah mengatakan juga iaitu ada tayar-tayar yang diimport balik, barangkali tayar ini dibuat daripada getah asli kita, oleh sebab kita ada juga menggunakan tayar-tayar seperti Michellin, tayar-tayar Yokohama atau sebagainya yang mana mungkin tidak dibuatkan lagi di negara kita yang mana kita mengimportkan untuk kegunaan orang-orang kita.

Tuan Hassan bin Haji Mohamad: Tuan Yang Dipertua, soalan tamabahan. Adakah termasuk dalam rancangan Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan perusahaan perindustrian getah di negara kita ini, mengenai rancangan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita yang telah melawat Mesir baru-baru ini, yang hendak menubuhkan satu perusahaan bersama antara Kerajaan Mesir dengan Malaysia sebuah kilang yang hasil bahan mentahnya datang daripada Malaysia.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang Dipertua, kita sentiasa menggalakkan sepertimana pada masa-masa yang lepas iaitu supaya ada kerjasama dua hala atau co-operation di antara negara kita dengan negara-negara lain. Tetapi ada juga dasar kita supaya kita menggalakkan lagi, khususnya di dalam tahun 1980an ini iaitu mengadakan industri-industri tempatan daripada bahan-bahan mentah yang dikeluarkan oleh negara kita Malaysia, dengan izin, resource-based industries iaitu kilang-kilang

membuat barang daripada getah, daripada minyak kelapa sawit, kayu-kayan dan sebagainya. Jadi, kita perlulah mengkaji di atas satu-satu perindustrian ini, adakah kita mengadakan kerjasama seperti Egypt, kita melihatkan keadaan adakah perlu kita mengadakan kerjasama bersabit dengan getah ataupun perlu kita mengadakan cadangan iaitu bersabit dengan kelapa sawit. Kita menghantarkan minyak CPO ke Egypt dan di sana diadakan refinery dan sebagainya. Ini perlu kita mengkaji satu-satu perindustrian.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi nampaknya perindustrian getah sekarang hanya 4% dan pihak Kementerian akan menambahkan sehingga 10%. Kalaulah tercapai 10%, adakah pekebun-pekebun kecil berharap mendapat harga getah yang lebih daripada apa yang ada pada hari ini?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang Dipertua, kita berharap begitulah, tetapi keadaan ini bergantung kepada pasaran dunia dan bekalan dan permintaan iaitu demand and supply. Jadi, saya rasa kita berharap, berdo'a moga-moga harga getah pada masa akan datang, esok ataupun lusa akan naik harga.

TANDA MAKANAN DALAM TIN/BOTOL

6. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar tentang pengaduan yang sering dibangkitkan oleh orang ramai tentang makanan yang rosak yang tersimpan dalam botol, kotak dan tin, jika sedar adakah Kerajaan akan memperkenalkan undang-undang tanda-tarikh akhir penggunaan sesuatu makanan yang

tersimpan dalam tin dan minuman dalam botol demi melindungi pengguna-pengguna.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa dari masa ke semasa orang ramai mengadu makanan-makanan berkotak, berbotol dan bertin yang diberi didapati telah rosak. Sebenarnya Kementerian Kesihatan juga menjalankan pemeriksaan ke atas makanan-makanan yang dijual di seluruh negara dan mengambil tindakan sewajarnya menurut undang-undang yang ada sekarang. Mereka yang melanggar undang-undang ini akan didakwa.

Oleh kerana didapati bahawa Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952 ini tidak sempurna, maka saya akan mengemukakan satu Rang Undang-undang Akta Makanan 1982 untuk diluluskan dalam Dewan yang mulia ini pada mesyuarat ini jua. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Rang Undang-undang ini telah dibaca untuk kali yang pertama pada 12hb Oktober, 1982. Buat masa ini Kementerian sedang dalam proses menyediakan satu peraturan makanan baru yang lengkap. Antara perkara-perkara lain, Kementerian juga mengkaji sama ada penandaan tarikh makanan harus diwajibkan dalam kes-kes tertentu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berdasarkan jawapan Yang Berhormat tadi bahawa pihak Kementerian Kesihatan sendiri ada membuat siasatan dan juga penguatkuasaan terhadap makanan-makanan dalam tin dan dalam kotak yang telah rosak. Saya hendak tahu daripada tindakan yang diambil itu sejauh manakah hasilnya dan berapa buah syarikat sehingga hari ini yang diketahui yang telah diambil tindakan undang-undang dari segi makanan yang telah rosak.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, di bawah undang-undang yang sedia ada dalam tahun 1981 Kementerian Kesihatan sudah merampas barang-barang yang disyaki rosak atau tidak sihat sejumlah 719 kes. Pada tahun ini, hingga 30hb Jun, kita ambil tindakan di atas 250 kes. Pada tahun 1981 sebanyak 610 kes telah dibawa ke mahkamah dan dari jumlah ini 527 kes telah dipersalahkan dan didenda oleh mahkamah. Dalam tahun ini kita terus menjalankan aktiviti seperti ini.

TANAH TERBIAR—MEMAJUKAN

7. Tuan Haji Saidin bin Mat Piah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang berkesan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk memajukan tanah terbiar;
- (b) berapa luaskah tanah-tanah terbiar yang ada di seluruh negara; dan
- (c) selain daripada tanah-tanah ini dimajukan oleh agensi-agensi Kerajaan, adakah Kerajaan bersedia memberikan kepada mana-mana pihak swasta yang berkemampuan untuk menjayakan tanah-tanah tersebut.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Sehingga Jun, 1982 FELCRA telah menjayakan sejumlah 57 bilangan Rancangan Pemulihan Tanah Terbiar. Bagi tanah-tanah yang diluluskan di bawah Akta Penempatan Beramai atau GSA dan jumlah keluasan yang terlibat adalah lebih kurang 20,224 hektar. Selain daripada

itu Kementerian Pertanian juga telah menganjurkan beberapa skim tertentu untuk memulihkan tanah padi yang terbiar. Tindakan yang akan diambil oleh Kementerian saya berkenaan perkara ini, di masa hadapan ialah bagi mempergiatkan dan memperluaskan lagi pelaksanaan program pemulihan yang dijalankan oleh FELCRA supaya tidak dihadkan bagi kawasan di bawah GSA sahaja dan menanam semula getah-getah tua oleh RISDA melalui Program Tanaman Semula Berkelompok ataupun mini estate. Bagi tahun hadapan sejumlah 16,000 hektar akan dimajukan di bawah Skim Pemulihan dan Penyatuan. Selain daripada itu Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah seperti DARA, KEJORA, KETENGAH, KESEDAR dan lain-lain akan juga melibatkan diri dalam program memperbaiki kedudukan tanah hakmilik yang terbiar dalam kawasan kampung tradisional yang sedia wujud dalam kawasan mereka. Ini bermakna agensi di bawah Kementerian Kemajuan Tanah tidak sahaja akan giat dalam pembukaan tanah baru, tetapi juga tanah-tanah yang telah diberi hakmilik dan seterusnya untuk memberi nafas baru kepada kegiatan pemulihan.

- (b) Mengikut penyiasatan yang telah dilakukan, tanah terbiar bukan sawah adalah lebih kurang 42,000 hektar dan tanah terbiar sawah 161,000 hektar.
- (c) Boleh dikatakan kesemua tanah terbiar telah diberikan hakmilik kekal ataupun hakmilik sementara (TOL). Maka

Kerajaan tidak ada kuasa untuk menyekat tuan-tuan tanah ini meminta mana-mana pihak menjayakannya. Oleh itu, saya percaya sekiranya ada mana-mana pihak swasta yang berminat untuk menjayakan kawasan ini bolehlah mereka berbuat demikian iaitu berhutang terus dengan tuannya tanah. Kelulusan yang serupa juga telah diperolehi oleh FELCRA dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sebelum mereka melaksanakan tanah-tanah terbiar.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar ataupun tidak dalam kawasan-kawasan FELDA ada tanah-tanah raja (land pockets) yang setakat ini terbiar. Jika sedar, apakah beliau bercadang untuk mengambil jalan memperbaiki keadaan ini.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, memang diakui bahawa ada kawasan-kawasan tanah lapang di dalam kumpulan atau gugusan tanah di bawah pegangan FELDA di bawah G.S.A. Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan kebanyakan dari tanah itu adalah diperuntukkan bagi rezab pembangunan masa hadapan seperti cadangan untuk mewujudkan kawasan-kawasan pertumbuhan (growth centres). Di sebaliknya juga adalah diakui bahawa sebahagian daripada tanah yang boleh diusahakan bagi penghasilan telah pun ditentukan bagi dilibatkan dalam program Buku Hijau.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah pihak beliau bercadang untuk menukarkan ataupun

untuk menggalakkan penanam-penanam kelapa sawit kepada tanah-tanah terbiar ataupun tanah-tanah getah yang tua dari segi memberi pendapatan yang baik kepada penanam-penanam kecil dan apakah galakan ataupun bantuan yang akan diberi oleh Kementerian jika sekiranya ada penanam-penanam kecil yang bercadang untuk berbuat demikian.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, bagi tahun 1982 sahaja tanaman getah adalah lebih kurang 7,122 hektar yang telah diusahakan di bawah pelaksanaan pemulihan. Ini adalah contoh yang menunjukkan bahawa usaha pemulihan ini boleh diubahsuai menurut keperluan sesuatu kawasan di daerah-daerah. Walau bagaimanapun, sama ada jenis penanaman getah kepada sawit itu perlu atau tidak di sesuatu kawasan bergantunglah kepada pendapat pakar dan juga kepada perlunya perusahaan seperti itu diubah dari satu jenis penanam kepada penanaman yang lain. Kementerian saya memang menggalakkan sekiranya pilihan itu diutamakan kepada getah tetapi keadaan tanah adalah menjadi soal pokok dan sekiranya perubahan syarat getah kepada sawit dimohon oleh mini estate ataupun kumpulan ladang-ladang kecil pekebun kecil, maka agensi di bawah Kementerian ini memang memberi galakan dalam bentuk nasihat, panduan dan juga penglibatan secara langsung dalam khidmat nasihatnya.

Tuan Ahmad Shah bin Dato' Hussein Tambakau: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa tahun depan 16,000 ekar tanah akan dimajukan. Saya ingin tahu di mana.....

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, hektar, bukannya ekar.

Timbalan Yang Dipertua: Hektar!

Tuan Ahmad Shah bin Dato' Hussein Tambakau: 16,000 hektar tanah minta maaf, akan dimajukan. Saya ingin tahu di manakah 16,000 hektar tanah ini dimajukan, sama ada di satu buah negeri ataupun di seluruh Malaysia termasuklah Sabah dan Sarawak.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, angka yang saya sebutkan itu adalah bagi seluruh negara tetapi untuk Sabah dan Sarawak programnya adalah berasingan dan prestasi itu ada terkandung di dalam Buku Anggaran Belanjawan yang ada di hadapan Yang Berhormat itu.

PENCEMARAN AIR SELAT MELAKA

8. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Menteriannya akan membuat Kaji Selidik tentang pencemaran perairan Selat Melaka berhubung dengan kesannya terhadap hasil laut di Pantai Barat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang Dipertua, buat masa ini Kementerian saya belum menjalankan kaji selidik tentang kesan pencemaran ke atas hasil laut. Namun demikian Kementerian saya sedar bahawa pencemaran ini merupakan satu daripada faktor yang menjejaskan tangkapan hasil laut tetapi terdapat juga beberapa faktor besar yang lain seperti kerosakan tempat pembiakan ikan yang berleluasa dan juga penangkapan yang tidak terkawal (over-fishing).

Walaupun bagaimanapun Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara melalui Jawatankuasa Sains Samudra ada menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kecil yang menumpukan perhatian kepada pencemaran laut.

Jawatankuasa ini sedang giat berusaha mengenalpasti bidang-bidang penyelidikan yang harus diberi keutamaan. Oleh yang demikian ada kemungkinan bidang yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian sewajarnya.

Di samping itu, Kementerian saya juga menyertai Rancangan Laut Serantau (Regional Seas Programme) bagi Persekitaran Laut Asia-Timur, telah dibentuk di bawah Program Persekitaran Laut Serantau bersama-sama dengan Intergovernmental Maritime Organisation dan World Health Organisation dan satu pelan tindakan telah digubal bagi menjalankan penyelidikan di persekitaran laut ASEAN untuk mengatasi masalah bahaya pencemaran. Sebuah Tabung Amanah telah ditubuhkan bagi tujuan ini.

Sementara itu beberapa rancangan pengawasan ke atas pencemaran laut sedang dijalankan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Di samping itu Skim Pemisahan Lalulintas telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan pada 1hb Mei, 1981 bertujuan untuk mengurangkan berlakunya pencemaran minyak dan buangan daripada kapal-kapal. Kementerian saya juga menjalankan Rancangan Kotingensi Tumpahan Minyak di Selat Melaka bersama-sama dengan Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Laut.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen sama ada Kementeriannya mempunyai kuasa untuk mengenakan denda terhadap kapal-kapal asing yang mencemarkan perairan Malaysia.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang Dipertua, nampaknya soalan tambahan itu ada sedikit keluar daripada soalan pokok.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat hanya minta tahu sahaja ada dakwaan atau tidak buat kesalahan.

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang Dipertua, ini oleh kerana Selat Melaka yang merupakan satu perairan yang tersebut di dunia ini yang digunakan oleh kapal-kapal yang dipunyai oleh banyak negara. Di bawah aturannya hanya boleh dikenakan denda kepada kapal yang dipunyai oleh negara kita.

LORI MEMBAWA MUATAN BERLEBIHAN—HUKUMAN

9. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau bersetuju apabila lori membawa muatan berlebihan hanya tuan punya lori perlu dihukum dan bukan pemandunya kerana di bawah sistem hukuman pengiraan markah, memang pasti lesen pemandu itu akan digantung, mengakibatkan si pemandu itu menggantung; dan
- (b) apakah sebab-sebab munasabah seseorang pemandu selepas lulus ujian memandu masih diperlukan mengambil satu peperiksaan berasingan untuk memohon Nombor Pendaftaran (Registration Nombor).

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kementerian saya tidak bersetuju dengan cadangan bahawa hanya pemilik lori sahaja dikenakan hukuman kesalahan membawa muatan berlebihan. Kesalahan dilakukan oleh kedua-dua pihak, iaitu pemandu dan pemilik lori. Dalam perkara ini pemilik lori membenarkan membawa muatan lebih dan pemandunya membawa muatan

berlebihan itu. Soal sama ada lesen memandu seorang pemandu berkenaan akan digantung di bawah sistem hukuman pengiraan markah belumlah dapat dipastikan pada masa ini kerana sistem tersebut masih dalam kajian.

- (b) Seseorang pemandu yang lulus ujian memandu akan dikeluarkan lesen memandu bagi kelas yang diujikan itu, selepas itu beliau tiada dikehendaki dan tiada diperlukan mengambil satu pemeriksaan berasingan untuk memohon Nombor Pendaftaran kenderaan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jika apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah untuk mendapatkan lesen vokasional selepas ujian lesen memandu bagi memandu kenderaan-kenderaan perdagangan, maka ini memang diperlukan.

Pemandu kenderaan perdagangan memerlukan bukan sahaja lesen memandu kelas yang tertentu tetapi juga lesen memandu tambahan yang dinamakan Lesen Memandu Vokasional. Lesen Vokasional adalah diwajibkan di bawah Seksyen 133, Ordinan Lalulintas, tahun 1958. Sebelum 11hb Oktober tahun ini bentuk ujian untuk mendapatkan Lesen Vokasional adalah dengan cara ujian lisan tentang undang-undang berkaitan dengan kenderaan barang-barang dan lain-lain keperluan. Walau bagaimanapun selepas tarikh tersebut Kerajaan telah memutuskan supaya calon-calon yang ingin mendapatkan Lesen Vokasional tidak lagi perlu menjalani ujian lisan, sebaliknya hanya perlu mengikuti ceramah secara berkelompok dalam mana di antara lain ciri-ciri keselamatan jalanraya ditekankan kepada mereka yang berkenaan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah berat maksima bagi lori dan juga muatannya yang dibawa di atas jalanraya penghubung di antara negeri ke negeri iaitu jalan Federal, dan apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar jalan penghubung di antara Terengganu, Pasir Puteh dan ke Kota Baharu muatan lorinya hanya tidak lebih 12 tan mengikut gazet lama. Dengan sebab itu banyak lori-lori yang melalui jalan itu ditangkap oleh polis.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, saya mohon penjelasan berkenaan bahagian yang pertama soalan tadi kerana saya kurang jelas.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya bertanya berapakah berat maksima bagi muatan dan juga lori yang akan berjalan di atas jalan penghubung di antara negeri ke negeri iaitu jalan Federal dan apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa jalan penghubung di antara Terengganu, Pasir Puteh dan ke Kota Baharu muatan lori dan lorinya itu tidak lebih 12 tan mengikut gazet lama. Oleh itu banyak kita dapati lori-lori yang berjalan di situ, perusahaan-perusahaan lori ini merungut katanya lorinya ditahan oleh polis.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, masalah berat lori yang boleh digunakan di jalan penghubung di antara satu negeri dengan negeri yang lain adalah ditentukan oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam berdasarkan kepada kekuatan ataupun jenis jalan penghubung yang berkenaan. Jadi sekiranya jalan yang berkenaan hanya boleh menampung berat lori yang tertentu maka itulah sebabnya had maksima itu telah ditetapkan. Akan tetapi sekiranya jalan itu diperbaiki

tarafnya, maka dari segi Kementerian saya tidak ada apa-apa halangan untuk menaikkan berat maksima yang diperlukan ataupun yang diminta asalkan ada persetujuan daripada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

**KELAS METRIKULASI—
PENUNTUT SEKOLAH
MENENGAH SAINS
SUNGAI PETANI**

10. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut Sekolah Menengah Sains Sungai Petani, Kedah yang tidak dibenarkan mengikuti Kelas Metrikulasi tahun ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar sama sekali kenyataan bahawa adanya pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sains Kedah, Sungai Petani yang tidak dibenarkan mengikuti Kelas Metrikulasi tahun ini. Mereka yang tidak ditawarkan ke Kelas tersebut adalah kerana mereka tidak layak dan tidak memenuhi syarat kemasukan atau mereka telah ditawarkan memasuki institusi pelajaran tinggi atau Tingkatan VI Rendah.

Bagi sesi 1982/1983 hanya satu pelajar lulusan SPM dari Sekolah Menengah Sains tersebut yang berjaya ke Kelas Metrikulasi sekolah tersebut tetapi menolak. Dua orang lagi menerima tawaran ke Kelas Metrikulasi di Sekolah Menengah Tuanku Syed Putra, Kangar.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah kriteria bagi seseorang penuntut yang berasal daripada Sekolah Menengah Sains itu dapat dipilih mengikuti Kelas Metrikulasi?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, mereka yang mempunyai kelulusan yang baik dalam

matapelajaran-matapelajaran Sains sekurang-kurangnya mesti mencapai taraf Kredit dalam matapelajaran-matapelajaran tersebut. Selain daripada itu mereka juga memerlukan Kredit dalam Bahasa Malaysia.

**PERMIT TEKSI PANDU
SENDIRI —BILANGAN**

11. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan permit tuan punya teksi-teksi yang dipandu mereka sendiri dari bulan Januari, 1981 sehingga Ogos, 1982, penerima permit-permit dibahagikan menurut keturunan bangsa dan bilangan yang dikeluarkan di Pulau Pinang, penerima-penerima juga menurut keturunan bangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang Dipertua, sepanjang dari bulan Januari, 1981 hingga bulan Ogos, 1982 Kementerian saya telah mengeluarkan sebanyak 4,030 permit teksi pandu sendiri. Dari jumlah ini pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

(i) Melayu ..	2,217 buah
(ii) Cina ..	1,477 buah
(iii) India ..	335 buah
(iv) Lain-lain ..	1 buah
	<hr/>
Jumlah ..	4,030 buah
	<hr/>

Manakala bagi Negeri Pulau Pinang pula jumlah yang dikeluarkan ialah sebanyak 313 buah dan pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

(i) Melayu ..	164 buah
(ii) Cina ..	129 buah
(iii) India ..	20 buah
(iv) Lain-lain ..	—
	<hr/>
Jumlah ..	313 buah
	<hr/>

PENGUASA TEMPATAN DI SARAWAK—PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

12. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa banyak wang yang telah diperuntukkan kepada berbagai Majlis Perbandaran di Sarawak untuk tujuan-tujuan pembangunan semenjak tahun 1963, sama ada anggaran-anggaran yang telah diserahkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Sarawak untuk projek-projek pembangunan di berbagai Majlis Perbandaran akan dimasukkan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, Penguasa-penguasa Tempatan di negeri Sarawak tidak tertakluk di bawah bidangkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini adalah disebabkan bahawa mengikut perkara 95(d) Perlembagaan Persekutuan, negeri Sarawak adalah terkeluar daripada kuasa Parlimen meluluskan undang-undang yang sama mengenai Kerajaan Tempatan seperti yang dinyatakan di bawah Fasal (4) Perkara 36. Maka dengan itu Kementerian tidak memperuntukkan wang kepada Penguasa-penguasa Tempatan di negeri Sarawak.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kriteria atau garis-garis panduan untuk menentukan jumlah wang atau peruntukan tahunan bagi sesuatu Majlis Daerah?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, saya rasa soalan ini adalah terkeluar daripada soalan asal.

PROJEK PEMBANGUNAN DI SANDAKAN

13. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab Ketua Menteri Sabah menyatakan bahawa projek-projek pembangunan tidak akan dilaksanakan di Sandakan setelah kerusi Parlimen bagi Sandakan jatuh kepada DAP lagi semasa pilihanraya umum baru-baru ini dan adakah beliau sedar kenyataan Ketua Menteri itu sebagai suatu peras ugut politik dan bertentangan dengan kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri selepas pilihanraya umum bahawa kawasan-kawasan Pembangkang akan juga diberikan projek pembangunan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek pembangunan yang sedang dan akan dijalankan di Sandakan, selaras dengan janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pembangunan akan dilaksanakan di semua kawasan pilihanraya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah benar setengah-setengah penyokong Pembangkang baik DAP mahupun PAS mengambil sikap negatif terhadap pembangunan Kerajaan terutama di Sandakan. Jika benar, apakah pelancaran projek-projek pembangunan terbantut oleh tindakan negatif mereka itu?

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, soalan ini adalah di luar daripada soalan asal.

BEKALAN AIR DI SARIKEI

14. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bagaimana Kerajaan menyelesaikan

masalah air minuman masin di Sarikei pada musim kemarau dan adakah Kerajaan akan menimbangkan mencari sumber air baru dan bila penyelidikannya akan dimulakan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedang mengambil tindakan bagi mengatasi masalah bekalan air di Sarikei khasnya keadaan air yang menjadi masin di musim kemarau. Khidmat Jurutera Perunding telah didapati dan atas pengesyorannya Kerajaan bercadang untuk membina sebuah 'saluran masuk' (Intake) yang baru dan rumah pam di Sungai Buyong berserta dengan alat-alat pam untuk menyalurkan air ke loji penapis air yang sedia ada di Jalan Kim San. Lembaga Air Sarikei sedang berusaha untuk mendapat pinjaman peruntukan yang mencukupi untuk projek ini dan dijangka pembinaannya dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Buat sementara waktu, bagi mengatasi masalah bekalan air di musim kemarau, pihak Lembaga Air Sarikei membekalkan air bersih kepada pengguna-pengguna di seluruh kawasan bandar Sarikei dengan menggunakan lori-lori tangki.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. (*Dengan izin*) Can the Minister tell this House when this new pump house to solve the problem of salty water into Sarikei will be completed by his Ministry?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, jikalau Ahli Yang Berhormat suka untuk mendapat perangkaan-perangkaan persiapan pam-pam itu, saya minta notis.

Timbalan Yang Dipertua: Masa untuk Soal-Jawab sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 adalah diberi di bawah ini*).

JAWATANKUASA MENKKAJI AKTA KAWALAN SEWA, 1966—LAPORAN

15. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengkaji Akta Kawalan Sewa telah menyiapkan laporannya; jika ya, bilakah laporan tersebut akan dibentangkan untuk pengetahuan Ahli-ahli Parlimen serta juga diumumkan kepada orang ramai.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jawatankuasa bagi mengkaji Akta Kawalan Sewa 1966 telah pun menyiapkan laporannya dan laporan yang berkenaan telah pun dikemukakan untuk pertimbangan Kabinet pada 15hb April, 1981. Pihak Kabinet telah menanggukkan membuat keputusan atas perakuan-perakuan yang terkandung dalam laporan berkenaan oleh kerana isu-isu yang ditimbulkan dalam laporan itu mengandungi unsur-unsur yang rumit dan memerlukan kajian yang lebih mendalam.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan: Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam ini.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1982;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1982;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1982;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1982;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1982;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1982;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1982;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1982;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1982;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1982;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1982;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1982;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1982.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh seksyen

kecil (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

(i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1982;

(ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1982;

(iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1982;

(iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1982;

(v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1982;

(vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1982;

(vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1982;

(viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1982;

(ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1982;

(x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1982;

(xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1982;

(xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1982;

(xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1982;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 126 hingga 138 tahun 1982 disahkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1982 adalah bertujuan memberi perlindungan tarif ke atas komponen-komponen dapur gas yang diperbuat di negara ini iaitu "pressed parts, whether enamelled or not, for heading no. 73.36 110" dan "burner for heading no. 73.36 110". Kadar duti import 50% telah dikenakan ke atas kepala tarif 73.36 920 adalah kerana komponen yang sama di bawah kepala tarif 73.38 191 dikenakan kadar duti import yang sama iaitu 50%. Dengan itu, barang di bawah kepala tarif baru 73.36 920 perlu disamakan kadar dutinya dengan barang yang di bawah

kepala tarif sedia ada iaitu 73.38 191 supaya mengelakkan kesukaran pentadbiran kastam. Sementara itu, kadar duti import 35% yang dikenakan ke atas kepala tarif baru 73.36 930 adalah bersamaan dengan kadar duti import ke atas barang ini yang dahulu di letak di bawah kepala tarif 73.36 990 "others" iaitu sebanyak 35%.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1982 adalah bertujuan untuk mengadakan No. Kepala Tarif baru bagi 'travel goods made by the moulding process, including the vacuum-forming process' di bawah kepala tarif baru 30.07 993 dengan duti import 25%. Langkah ini diambil adalah supaya semua 'travel goods' seperti handbags dan brief-cases, dari apa jenis jua dikenakan duti import yang sama iaitu 25%. Tindakan ini tidak melibatkan kehilangan hasil kerana ianya hanya merupakan pembetulan terhadap tarif tanpa meminda kadarnya.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1982 adalah bertujuan untuk memperjeniskan semula bahan 'polystyrene Resin and its Copolymers' yang pada masa ini diberi perlindungan tarif sebanyak 30% sekilogram. Ini dilakukan dengan membatalkan No. Kepala Tarif bagi 'polystyrene Resin and its Copolymers' iaitu 39.02 421 dan digantikan dengan No. Kepala Tarif baru iaitu 39.02 424-1 bagi 'general purpose and High impact polystyrene Resin' yang berduti import 30% sekilogram dan No. Kepala Tarif 39.02 424-2 bagi 'other polystyrene Resin' and it polymers' yang berduti import sebanyak 3% sahaja. Perjenisan semula bahan ini perlu dilakukan memandangkan hanya bahan 'general purpose and high impact polystyrene Resin' sahaja yang dikeluarkan di negara ini dan diberi perlindungan Tarif manakala lain-lain jenis

polyester Resin tidak dikeluarkan di negara ini dan menjadi bahan mentah penting dalam industri membuat barang-barang plastik.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1982 Duti Import sebanyak 32 sen semeter persegi telah dikenakan ke atas "galvanised steel sheets" di bawah No. Kepala Tarif 73.13 922 bagi melindungi pengeluar-pengeluar tempatan seperti South Malaysia Industries Bhd. dan Federal Iron Works Sdn. Bhd. tetapi kedua-dua syarikat ini tidak mengeluarkan "galvanised steel sheets" di antara 1.5mm-3.0mm tebalnya yang terletak di bawah No. Kepala Tarif 73.13 922. Dengan itu, perlindungan tarif ini tidak diperlukan dan patut dibatalkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1982 adalah bertujuan mengadakan Kepala Tarif khusus bagi "tractor (power unit) designed for handling roller (drum module)" iaitu 87.01 920 dengan dikenakan duti import sebanyak 15%. Langkah ini diperlukan untuk melindungi pengeluaran tempatan yang selain daripada mengeluarkan "roller" juga membuat "engine/power unit" di mana "local content"nya dianggarkan sebanyak 51% dan "value-added"nya pula dianggarkan sebanyak 59%. Kepala Tarif yang diadakan bagi "engine/power unit" itu adalah khusus dan tidak melibatkan barang-barang lain.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1982 bertujuan untuk menghapuskan 5% cukai tokok atas 'vessels specially designed for towing or pushing other vessels' yang beratnya lebih 26 tan metrik yang diperjeniskan di bawah kod tarif 89.02 100 dan 89.02 200 serta 'ships, boats and other vessels for breaking-up' yang diperjeniskan di bawah kod tarif 89.04 000. Penghapusan cukai tokok bagi kod-kod tarif tersebut bertujuan untuk menambahkan lagi 'coastal shipping' di negara ini selari dengan

dasar 'cabotage' Kerajaan dan meluaskan lagi industri 'ship breaking' di negara ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1982 adalah berkenaan dengan Duti import 20% *ad valorem* ke atas "electric hoist" di bawah No. Kepala Tarif 84.22 120 telah dihapuskan kerana perusahaan membuat 'electric hoists' masih lagi di peringkat pemasangan dan tidak mungkin barang ini dibuat di negara ini. Di dalam dunia, hanya terdapat 7 pengeluar sahaja dan dalam keadaan ini, perlindungan tarif tidak sesuai diteruskan dan patut dihapuskan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1982 adalah bertujuan untuk membatalkan duti eksport 5% *ad valorem* ke atas "steel wire rod" di bawah No. Kepala Tarif 73.10 110 dan 73.10 190. Langkah ini diambil sebagai galakan ke atas pengeksporthan bahan berkenaan memandangkan pengeluaran tempatan adalah lebih tinggi daripada permintaan dalam negeri.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1982 adalah bertujuan untuk menghapuskan duti eksport ke atas bahan getah hampas (waste rubber dust) di bawah kod tarif 40.04 200. Getah hampas ini adalah dari bahan-bahan potongan tayar buruk. Duti yang dikenakan itu adalah sama kadarnya dengan duti eksport getah yang lain, dan kadar ini adalah terlalu tinggi jika dibanding dengan nilai getah hampas itu. Penghapusan duti itu adalah bertujuan untuk membolehkan serta menggalakkan pengeksporthan bahan tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1982 adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti import ke atas minyak Petrol Premium dan Regular yang terjatuh di bawah No. Kepala Tarif 29.10 211 dan 27.10 219 dari

24.42 sen seliter kepada 35.84 sen seliter. Perintah ini juga bertujuan untuk menaikkan kadar duti import ke atas LPG (Liquified Petroleum Gas) yang jatuh di bawah No. Kepala Tarif 27.11 200 dan 27.11 400 dari 6.61 sen sekilogram kepada 7.30 sen sekilogram. Kenaikan kadar-kadar duti import ke atas keluaran-keluaran petroleum pada 28.7.1982 yang lalu di mana ianya lebih merupakan 'mengstruktur semula harga, subsidi dan cukai ke atas barang-barang petroleum yang mana harga minyak Petrol Premium dan Regular masih tidak berubah dan penurunan harga hanya ke atas LPG sebanyak 15 sen sekilogram.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1982 bertujuan untuk kecualikan cukai tokok ke atas minyak kelapa sawit mentah dan minyak isirong kelapa sawit mentah serta isirong kelapa. Pengecualian ini adalah untuk memudahkan dan mengurangkan kos pengimportan minyak kelapa sawit mentah dan minyak isirong kelapa sawit mentah dari lain-lain negara. Pengimportan ini adalah perlu memandangkan terdapat kekurangan yang ketara bekalan bahan-bahan tersebut di Semenanjung berbanding dengan keupayaan memproses bahan-bahan tersebut menjadi keluaran siap atau separuh siap.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1982 adalah bertujuan untuk memansuhkan duti eksport sebanyak 5% *ad valorem* dan menambahkan duti import ke atas "unglazed tiles" di bawah No. Kepala Tarif 69.07 100 kepada 25% *ad valorem* atau 50 sen sekilogram yang mana lebih tinggi dan "glazed tiles" di bawah No. Kepala Tarif 69.08 100 kepada 25% *ad valorem* atau 60 sen sekilogram yang mana lebih tinggi. Tindakan ini dibuat untuk menggalakkan pengeksporthan bahan berkenaan dan membantu

pengeluar tempatan dalam menghadapi persaingan dari 'tiles' yang diimport.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1982 bertujuan untuk mengecualikan duti eksport atas lada hijau yang diawet (preserved green peppercorn) yang diperjeniskan di bawah kod tarif 09.04 111 dan 09.04 121. Lada hijau yang diawet merupakan keluaran siap oleh itu patut diberi pengecualian duti eksport sesuai dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan usaha pemerosesan barang-barang keluaran pertanian.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- | | | |
|---|------|--------|
| (i) Perintah (Pindaan) 1982; | Duti | Kastam |
| (ii) Perintah (Pindaan) (No. 2) 1982; | Duti | Kastam |
| (iii) Perintah (Pindaan) (No. 3) 1982; | Duti | Kastam |
| (iv) Perintah (Pindaan) (No. 4) 1982; | Duti | Kastam |
| (v) Perintah (Pindaan) (No. 5) 1982; | Duti | Kastam |
| (vi) Perintah (Pindaan) (No. 6) 1982; | Duti | Kastam |
| (vii) Perintah (Pindaan) (No. 7) 1982; | Duti | Kastam |
| (viii) Perintah (Pindaan) (No. 8) 1982; | Duti | Kastam |
| (ix) Perintah (Pindaan) (No. 9) 1982; | Duti | Kastam |

- | | | |
|--|------|--------|
| (x) Perintah (Pindaan) (No. 10) 1982; | Duti | Kastam |
| (xi) Perintah (Pindaan) (No. 11) 1982; | Duti | Kastam |
| (xii) Perintah (Pindaan) (No. 12) 1982; | Duti | Kastam |
| (xiii) Perintah (Pindaan) (No. 13) 1982; | Duti | Kastam |

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 126, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 134, 135, 136, 137 dan 138 tahun 1982 disahkan.

AKTA EKSAIS 1976

Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan) 1982

Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan) (No. 2) 1982

Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan) (No. 3) 1982

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- | | | |
|---|------|----------------|
| (i) Perintah (Pengecualian) (Pindaan) 1982; | Duti | Eksais |
| (ii) Perintah (Pengecualian) (Pindaan) 1982; | Duti | Eksais (No. 2) |
| (iii) Perintah (Pengecualian) (Pindaan) 1982; | Duti | Eksais (No. 3) |

Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1982 bertujuan untuk menurunkan duti eksais dari \$72.59 kepada \$43.99 per proof decalitre atas 'other intoxicating liquors' yang diperjeniskan di bawah butiran 2.8 Perintah Duti Eksais 1981. Penurunan duti ini perlu bagi menyamakan duti eksais atas 'other intoxicating liquor' dengan samsu dan arak yang tertakluk kepada duti eksais dengan kadar \$43.99 per proof

decalitre memandangkan bahawa minuman-minuman keras tersebut adalah sama cuma dibuat daripada bahan yang berbeza.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1982 bertujuan untuk menghapuskan duti eksais atas 'foam rubber not made up into manufactured articles' yang diperjeniskan di bawah butiran 5.1 Perintah Duti Eksais 1981. 'Foam rubber not made up into manufactured articles' adalah merupakan keluaran samping kilang-kilang yang mengeluarkan barang-barang daripada getah. Bahan ini dahulunya tertakluk kepada duti eksais sebanyak 44 sen sekilogram. Penghapusan ini perlu memandangkan keluaran utama kilang-kilang tersebut seperti tilam dan kusyen telah dihapuskan duti eksaisnya di dalam Belanjawan 1982 yang lalu. Dengan penghapusan duti ini kilang-kilang yang terlibat tidak lagi tertakluk kepada kawalan eksais dan 'foam rubber not made up into manufactured articles' ini mendapat layanan yang sama seperti 'foam yang dibuat daripada plastik' yang mana tidak tertakluk kepada duti eksais.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1982 ialah bertujuan untuk menaikkan kadar duti eksais ke atas keluaran-keluaran petroleum tempatan iaitu minyak Petrol Premium dan Regular serta LPG (Liquified Petroleum Gas). Kadar duti eksais minyak petrol premium dan Regular yang jatuh di bawah kod eksais 4.1 dan 4.2 dinaikkan dari 24.42 sen seliter kepada 35.84 sen seliter. Duti eksais ke atas LPG yang jatuh di bawah Kod eksais 4.17 pula dinaikkan dari 4.41 sen sekilogram kepada 7.30 sen sekilogram. Kenaikan duti eksais ini dibuat adalah berikutan kuatkuasa harga barang-barang petroleum pada 28.7.1982 yang lalu yang lebih merupakan mengstruktur semula harga, subsidi dan cukai ke atas keluaran-keluaran petroleum di mana

harga bagi minyak petrol premium dan Regular masih tidak berubah tetapi harga bagi LPG diturunkan sebanyak 15 sen sekilogram.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

(i) Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan) 1982;

(ii) Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan) (No. 2) 1982;

(iii) Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan) (No. 3) 1982;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 139, 140 dan 141 tahun 1982 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan

Anggaran Pembangunan, 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Kesembilan).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 29, B. 30, B. 31, B. 32, dan B. 33 (Jadual)—

Maksud P. 29, P. 32 dan P. 65 (Anggaran Pembangunan, 1983).

Tuan Pengerusi: Kepala B. 29 hingga B. 33 dan Kepala P. 29 dan P. 32 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

3.55 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bercadang untuk berucap secara pendek dan hanya menyentuh satu item iaitu terkandung dalam muka surat 331, Bekalan 33, Jabatan Hasil Dalam Negeri. Berhubung dengan Program (3) Pungutan Cukai-cukai.

Izinkan saya merujuk kepada pengumuman Belanjawan baharu-baharu ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa Cukai Perkhidmatan yang pada masa ini kadarnya 5% akan dinaikkan 10% dan cukai ini sekarang akan diperluaskan untuk meliputi semua restoran dan rumah kopi yang terletak di luar hotel yang mempunyai jumlah jualan tahunan sebanyak \$500,000 ke atas dan bahawa ianya akan mula dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1983.

Tuan Pengerusi, sejak pengumuman itu dibuat pengusaha-pengusaha kedai makanan yang terletak di luar hotel masih berterusan melahirkan rasa kebimbangan mereka jika Cukai Perkhidmatan 10% ini dikenakan ke atas perniagaan mereka bermula awal Januari tahun depan yang mana akan

meninggalkan kesan buruk ke atas perniagaan mereka. Dengan pengenaan syarat bahawa jualan tahunan berjumlah \$500,000 ke atas bermakna bahawa kedai makan seperti pengusaha makanan segera seperti 'Kentucky Fried Chicken' dan 'McDonald' layak dikenakan Cukai Perkhidmatan 10%. Banyak restoran kecil dan sederhana yang biasanya dikunjungi oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk menikmati hidangan makanan tengah hari dan makanan malam akan juga terlibat. Banyak rumah kopi dan kedai makanan yang popular di Kuala Lumpur itu pusat makanan yang disukai ramai akan juga termasuk kepada cukai ini.

Memandangkan bahawa pengenaan Cukai Perkhidmatan 10% ke atas kedai-kedai makan tidak sahaja akan melibatkan pengusaha-pengusaha yang perniagaannya didapati merusut tetapi apa yang lebih serius lagi pengguna biasa akan juga menerima akibat oleh kerana mereka terpaksa membayar tambahan 10% dalam bil makanan mereka dan ini akan menjadi satu beban kewangan kepada mereka.

Saya suka menjelaskan di sini bahawa makan luar di kedai makan segera seperti 'Kentucky Fried Chicken' atau 'McDonald' atau setengah restoran bertaraf kecil dan sederhana yang popular bukanlah satu kemewahan untuk keluarga. Bagi mereka yang tidak sempat menghadapi hidangan makanan di rumah terpaksa pergi makan di luar dalam restoran-restoran bukanlah restoran yang besar misalnya yang ada dalam hotel akan tetapi hanya di kedai-kedai makanan yang bertaraf kecil dan sederhana pasti akan merasa tidak adil jika mereka terpaksa membayar Cukai Perkhidmatan 10%. Di saat kita semua rakyat Malaysia sedang menghadapi kesan kemelesetan ekonomi dunia maka seharusnya menjadi tanggungjawab

Kerajaan membantu rakyat mengurangkan perbelanjaan dan bukan memaksa mereka membayar lebih dengan sebab Kerajaan hendak menambah sumbangan Cukai Perkhidmatan ke dalam hasil negara.

Saya difahamkan bahawa banyak kedai makanan di luar hotel dalam Kuala Lumpur telahpun menyampaikan bantahan dan pandangan mereka kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan meminta beliau mengkaji kesan yang serius yang akan dialami oleh perniagaan mereka pada masa depan sekiranya cukai ini terus berkuatkuasa nanti serta meminta beliau bertindak menghapuskan cukai ke atas semua tempat menjual makanan seperti restoran, Snack Bar dan kedai kopi yang terletak di luar hotel-hotel, kerana cukai ini apabila dilaksanakan nanti akan mengakibatkan kemerusutan yang teruk kepada perniagaan mereka kerana orang ramai tidak berminat lagi untuk pergi makan di tempat-tempat itu.

Saya terpaksa menerangkan di sini bahawa banyak restoran dan rumah kopi yang terletak di luar hotel bergantung kepada orang-orang biasa iaitu golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk menghidupkan perniagaan mereka. Jika golongan rakyat ini tidak lagi berkunjung kerana Cukai Perkhidmatan baru ini, maka mereka akan menderita dengan serius dan barangkali banyak di antaranya terpaksa ditutup. Saya suka menggesa Kerajaan supaya memberi pertimbangan yang serius kepada pandangan dan bantahan yang dikemukakan oleh restoran-restoran dan kedai makanan yang terletak di luar hotel dan bertindak menghapuskan Cukai Perkhidmatan 10% itu.

Saya suka menggunakan kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat

Menteri Kewangan kerana keputusannya mengecualikan motokar dan bas yang digunakan oleh sekolah-sekolah memandu untuk tujuan mengajar memandu daripada kenaikan Cukai Jalan empat kali ganda yang dikenakan ke atas kereta kepunyaan syarikat. Keputusan Kerajaan menerima rayuan yang dikemukakan oleh pengusaha-pengusaha sekolah belajar memandu untuk mengecualikan kenaikan Cukai Jalan sebanyak empat kali ganda adalah sangat dialu-alukan. Jika Kerajaan boleh menunaikan permintaan yang menasabah dari sekolah-sekolah belajar memandu kereta, saya berharap Kerajaan akan juga boleh menunaikan permintaan penghapusan Cukai Perkhidmatan 10% dari pengusaha-pengusaha restoran dan rumah kopi yang mana perniagaan mereka terletak di luar hotel.

Kerajaan telah menganggarkan bahawa tambahan kepada bidang Cukai Perkhidmatan akan menghasilkan lebih kurang \$10 juta. Pada pandangan saya bahawa jumlah \$10 juta ini boleh diperolehi daripada punca-punca lain atau dengan pemotongan perbelanjaan yang membazir tanpa perlu mengenakan cukai ke atas rakyat jelata yang cuba menikmati hidangan makanan di restoran-restoran yang bertaraf kecil dan juga sederhana.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

4.02 ptg.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 303, Maksud Bekalan 29, Perbendaharaan, B. 29, Butiran 1100, tajuk Gaji dan Upahan, Program (3)(d) Pinjaman Perumahan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kewangan berkenaan, tentang kenaikan pinjaman perumahan iaitu dari \$3,028,300 pada tahun 1982 kepada \$3,271,600 pada tahun 1983. Pertambahan ini digalakkan tetapi saya ingin tahu sama ada pertambahan ini akan dinikmati oleh golongan berpendapatan rendah seperti Buruh Kasar dan Kerani Rendah dan juga saya ingin tahu berapa peratuskah golongan berpendapatan rendah telah diberi pinjaman perumahan di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan pada tahun 1982.

Tuan Pengerusi, saya rasa membeli rumah merupakan satu masalah besar bukan sahaja bagi golongan berpendapatan pertengahan, tetapi amat kritikal juga jika dibandingkan dengan golongan berpendapatan rendah. Kita juga sedar bahawa sebahagian besar golongan berpendapatan rendah tinggal di kawasan yang tidak begitu sempurna dan teratur. Kita laung-laungkan masalah penduduk haram terutama sekali di Kuala Lumpur, seolah-olah mereka pendatang haram. Kita perlu membuka mata lebih luas lagi dan memikirkan dengan lebih mendalam tentang masalah mereka. Kita harus sedar bahawa mereka adalah rakyat Malaysia dan mengikut Perlembagaan mempunyai hak tinggal bersama di sini, tetapi oleh kerana keadaan ekonomi yang agak tertekan, mereka terpaksa tinggal di mana ada tanah untuk mendirikan rumah.

Kita tidak harus membandingkan keadaan kita dengan keadaan mereka, tetapi meletakkan kaki kita di dalam kasut mereka. Inilah seharusnya menjadi panduan kita di dalam merancang polisi-polisi berkaitan dengan pinjaman perumahan. Pada pandangan mata kasar saya, pinjaman perumahan kepada golongan berpendapatan rendah tidak begitu

berkesan. Saya mungkin salah, tetapi di dalam kiraan saya, saya menimbang dua faktor iaitu:

Pertama, sama ada mereka mampu mengumpul dan membayar deposit yang pada lazimnya perlu dibayar untuk mendapatkan rumah.

Kedua, sama ada mereka berkemampuan untuk membayar pinjaman perumahan Kerajaan yang telah diambil.

Kesimpulannya, golongan berpendapatan rendah, dengan pendapatan yang mereka perolehi tidak mampu untuk mendapatkan dan membayar Pinjaman Perumahan Kerajaan.

Kita sedar bahawa dengan keadaan ekonomi meleset sekarang, kenaikan gaji di mana-mana sektor akan memburukkan lagi ekonomi negara. Satu jalan keluar adalah dengan menggalakkan sektor pembinaan dan meninggikan produktiviti pekerja-pekerja. Jadi, saya ingin mencadangkan tiga perkara iaitu:

Pertama, pendekatan dua sehalu di mana Kerajaan Pusat perlu menggesa Kerajaan Negeri supaya membuka tanah di persekitaran sesebuah bandar dan memberi pada golongan berpendapatan rendah dan golongan berpendapatan rendah akan diberi tugas untuk mendirikan rumah sendiri secara konsep gotong-royong dengan kerjasama bantuan badan-badan sukarela. Mengikut pendekatan ini, golongan berpendapatan rendah akan diberi pinjaman perumahan bagi perbelanjaan membeli bahan-bahan binaan dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan. Walaupun pendekatan ini agak rumit, tetapi saya percaya cara ini sangat menjimatkan. Saya juga berpegang kepada pepatah: Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Konsep yang kedua, kepada konsep sewabeli. Saya rasa Kerajaan perlu memperhebatkan lagi usahanya untuk

mendirikan rumah-rumah pangsa. Unit-unit rumah pangsa ini disewakan kepada golongan berpendapatan rendah selama 10 atau 15 tahun dan kemudian hak milik dipindahkan, setelah golongan berpendapatan rendah diberi pinjaman perumahan untuk membeli unit tersebut.

Ketiga, memberi pinjaman perumahan pada golongan berpendapatan rendah untuk membeli rumah jenis pre-fabricated atau rumah yang dipasang siap. Saya harap pihak Kementerian akan mengkaji dan menimbang cadangan-cadangan saya ini untuk mengurangkan masalah penduduk haram dengan cara penggunaan pinjaman perumahan yang aktif bagi golongan berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, merujuk pula muka surat 303, Maksud Bekalan 29, Perbendaharaan, tajuk Gaji dan Upahan, Program (2)(b) Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pelaburan.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa negara ini sedang menghadapi kemelesetan ekonomi. Di antara jalan keluar untuk memulihkan keadaan ini adalah dengan menggalakkan pelaburan asing dan pinjaman dari luar negeri dengan kadar faedah yang sederhana.

Saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan kepada Seksyen 2, Akta Cukai, 1967 di mana pinjaman jangka panjang ditakrifkan sebagai satu pinjaman yang melebihi 3 tahun. Kesan seksyen ini adalah seperti berikut: Sekiranya sesuatu pinjaman itu melebihi 3 tahun, maka faedah dikecualikan dari cukai dan sekiranya sesuatu pinjaman itu kurang dari 3 tahun faedah dikenakan cukai.

Seksyen 137, Schedule 6, Clause 31, Akta Cukai, 1967. Pada masa sekarang memandangkan kadar matawang asing yang tidak tetap,

ramai pelabur-pelabur asing dan institusi kewangan asing tidak gemar mengikat sumber-sumber kewangan begitu lama. Ada didapati bahawa mereka membuat semakan wang dengan izin, currency adjustment selama enam bulan. Sekiranya transeksi ini berlaku, maka pinjaman-pinjaman yang dicadangkan bagi jangka panjang melebihi 3 tahun akan dikenakan cukai faedah. Saya ingin mencadangkan supaya pihak berkenaan membuat kajian sama ada dengan mengubahsuaikan takrifan ini menggalakkan lagi pelabur-pelabur dan pinjaman asing.

Saya juga ingin mencadangkan penyesuaian seperti berikut, iaitu di mana sesuatu pelaburan atau pinjaman itu dicadangkan lebih dari 3 tahun tetapi currency adjustment atau perubahan matawang dibuat selepas enam bulan dan jumlah pelaburan atau pinjaman dikekalkan pada jumlah lama, faedah yang diperolehi sepatutnya dikecualikan dari cukai. Tujuannya adalah satu pelan jangka panjang di mana untuk memulihkan pasaran wang di Malaysia mengikut faktor penawaran dan permintaan iaitu apabila wang banyak di dalam negeri ini kadar faedah mungkin turun. Supaya sesuatu pinjaman itu menjadi lebih "competitive" harus juga kita ingat bahawa Malaysia adalah sebuah negara "credit worthy". Jadi saya berharap cadangan ini dikaji dengan teliti dan ditimbangkan oleh pihak yang berkenaan sebelum dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk pada muka surat 331, Maksud B. 33—Jabatan Hasil Dalam Negeri, Butiran 1100—Gaji dan Upahan—Program (2) Penaksiran Cukai-cukai.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kewangan berkenaan kadar cukai jalan yang dikenakan kepada kenderaan disel

iaitu sebanyak 4 kali ganda parah lama. Saya sedar bahawa cukai merupakan satu sumber kewangan negara dan saya tidak menafikan itu sebagai satu keperluan untuk membangunkan negara, tetapi saya berharap pihak Kementerian meneliti dengan lebih mendalam lagi tentang kesan terakhir kenaikan cukai tersebut. Pada hemat saya cukai kereta kenderaan disel pada Belanjawan tahun ini adalah agak tinggi dan saya berharap pihak Kementerian dapat mengurangkan cukai yang dimaksudkan di atas. Kita perlu mengkaji apakah kesan terakhir dengan kenaikan cukai sedemikian. Saya rasa kompeni-kompeni berkenaan mempunyai dua pilihan (alternative)—menutup perniagaan sekiranya tidak dapat menampung belanja kenaikan tersebut itu atau menyerapkan kenaikan cukai tersebut dan menolak pula kepada pengguna-pengguna. Jadi, sekiranya barang-barang keperluan, contohnya ikan dan sayur-sayuran, dihantar dengan kenderaan-kenderaan disel, maka saya tidak hairan kalau harga barang-barang keperluan pula meningkat. Jadi sudahlah harga daging dan ayam agak tinggi, harga ikan pula akan melambung. Ini akan membebaskan golongan berpendapatan rendah.

Jadi jika kita tanya, siapakah yang akan mengalami tekanan cukai kenderaan disel pada akhirnya jawapannya ialah pengguna-pengguna seperti kita sendiri. Jadi saya berharap pihak Kementerian akan mengkaji semula cukai-cukai yang dikenakan pada kenderaan disel itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

4.13 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Haji Ismail (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya turut serta

membincangkan mengenai Kementerian Kewangan iaitu Belanjawan yang diperuntukkan bagi tahun 1983. Saya menyentuh Maksud B. 33—Jabatan Hasil Dalam Negeri, Butiran 1100—Program (2) dan (3)—Penaksiran Cukai-cukai dan Pungutan Cukai-cukai.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan bagi pihak rakyat yang saya wakili kerana dalam Belanjawan 1983 ini cukai pendapatan tidak dinaikkan, rakyat juga bersyukur bahawa Kerajaan memberikan pelepasan cukai atas perbelanjaan pelajaran tinggi bagi anak-anak dan saraan untuk ibu-bapa oleh anak-anak mereka. Demikian juga wanita bergembira kerana sejak tahun 1973 wanita yang bekerja dibenarkan cukai pendapatan mereka ditaksirkan berasingan, tetapi yang menikmati faedah cukai pendapatan berasingan itu cuma lebih kurang 34% sahaja daripada jumlah penduduk wanita di negara kita iaitu mereka yang bekerja dan yang bergaji. Sebahagian besar dari wanita yang bekerja tidak bergaji dengan rasmi yang memberikan perkhidmatan yang begitu tinggi nilainya tetapi belum lagi diiktiraf dan dinilai oleh Kerajaan khidmat mereka itu dengan nilai matawang ataupun penilaian dalam Keluaran Negara Kasar (GNP) ialah suri-suri rumah tangga seramai hampir 30% dari jumlah penduduk Malaysia ini.

Dari segi pelepasan cukai juga jumlah pelepasan yang diberikan kepada suri-suri rumahtangga itu sangatlah kecil jumlahnya dan tidak mencukupi. Dengan keadaan ini dalam aspek ekonomi, sosial dan juga psikologi suri rumahtangga merasa diri mereka lebih rendah dari orang lain. Mereka merasa lebih 'inferior' bukan sahaja dengan orang lelaki tetapi juga 'inferior' dari wanita yang bekerja dan bergaji. Dengan konsep moden dan

invosai-invosai moden dalam masyarakat hari ini di mana khidmat suri-suri rumahtangga begitu penting sekali wanita di semua peringkat mestilah diberikan satu taraf di mana mereka itu mestilah merasa diri mereka 'more economically viable' untuk memberikan mereka itu maruah sebagai individu dan menggalakkan ataupun memberi mereka inisiatif mencari pendapatan yang lebih lagi. Oleh yang demikian, saya merayu agar Kerajaan Barisan Nasional yang didukung bersama-sama oleh pengundi-pengundi wanita yang tidak kurang daripada 45% jumlahnya, pertamanya menimbangkan tambahan pelepasan cukai bagi suri-suri rumahtangga dan kedua dibenarkan sebahagian dari pendapatan wanita yang bergaji ataupun tidak bergaji dari sumber-sumber lain iaitu dari sumber-sumber perniagaan, sewa-sewa rumah, harta-harta dan lain-lain ditaksirkan berasingan dari pendapatan suami-suami mereka. Memandangkan keadaan ekonomi yang meleset sekarang, rayuan ini bolehlah ditimbangkan oleh Kerajaan apabila keadaan ekonomi pulih semula.

Saya juga menyentuh B. 30—Perkhidmatan Am Perbendaharaan Butiran 4100—Bayaran Pindahan, Program (11) Bantuan Penyenggaraan Zon Perdagangan Bebas yang hanya diberikan peruntukan Token \$10.

Hampir seluruh rakyat di negara ini menyambut baik adanya dasar Kerajaan mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas di merata-rata tempat di seluruh negara. Usaha dalam bidang ini telah banyak menarik pelaburan dari luar negeri dan telah dapat mewujudkan begitu banyak peluang-peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran di negara kita. Namun demikian, terdapat berbagai 'side-effects' yang berbentuk masalah sosial.

Pertama, yang menjadi persoalan di Kawasan Perdagangan Bebas di luar bandar ialah banyak peluang pekerjaan ini diisi dengan permohonan-permohonan dari luar daerah kawasan yang berkenaan.

Kedua, dengan itu masalah penghijrahan antara daerah dan juga antara Kawasan-kawasan Perdagangan Bebas ini berlaku. Sebenarnya hasrat Kerajaan ialah untuk menyekat penghijrahan.

Ketiga, masalah bagi pekerja-pekerja wanita yang berkaitan dengan kebajikan pekerjaan mereka, kedudukan dan kemudahan-kemudahan mereka, yang terutamanya mengenai perumahan, kemudahan-kemudahan cuti tahunan dan perubatan kenderaan dan lain-lain. Seperti yang kita maklum dari semasa ke semasa masalah-masalah sosial ini ditimbulkan sehingga menimbulkan imej yang rendah terhadap pekerja-pekerja wanita yang bekerja di kawasan Perdagangan Bebas. Di bawah tajuk ini peruntukan patut diberi bagi menyediakan perkhidmatan bimbingan dan nasihat kepada pekerja-pekerja yang berkenaan yang berbentuk bimbingan kerjaya, agama dan sosial.

Setakat ini usaha-usaha ke arah memberikan bimbingan ini cuma sebagai permulaan sahaja dan percubaan oleh badan-badan sukarela. Satu pusat seperti ini ditubuhkan oleh Universiti Sains Pulau Pinang dan satu ditubuhkan oleh Kementerian Kebajikan Am yang bertempat di Kuala Lumpur dan satu ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia di Kawasan Perdagangan Bebas, Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia dan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang lain sanggup

menguruskan dan mentadbir pusat-pusat perkhidmatan pekerja-pekerja wanita seperti itu sekiranya ada bantuan kewangan dari Kerajaan.

Tuan Pengerusi, demi menjaga maruah dan imej wanita Malaysia, saya menyeru Kerajaan memberikan peruntukan ini untuk kami bersama-sama membantu Kerajaan menjalankan usaha-usaha yang murni itu.

Tuan Pengerusi, dengan itu, saya turut menyokong peruntukan bagi Kementerian Kewangan dalam Belanjawan 1983.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lumut.

4.20 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh B. 29, Butiran 1100, (2) Program Pengurusan dan Analisa Kewangan, Butiran Kecil (b) Pengurusan Kewangan Hutang dan Pelaburan.

Tuan Pengerusi, pada himat saya fungsi-fungsi Program Pengurusan dan Analisa Kewangan perlu diperkemas dan dikemaskinikan untuk menolak tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dari parti Pembangkang.

Tuan Pengerusi, pada hakikatnya saya merujuk kepada dakwaan ahli DAP dari Sungei Besi yang berucap pada hari Khamis, 28hb Oktober yang menyeleweng dan memutarbelitkan jumlah hutang dan perbelanjaan Kerajaan. Beliau mencipta teori kewangan yang menyeleweng semata-mata untuk memperbudak-budakkan pemikiran pengundi-pengundi baik di kawasannya mahupun di seluruh Malaysia. Beliau menyatakan saya petik:

“Setiap rakyat Malaysia terpaksa menanggung hutang sebanyak \$3,000 untuk menyelesaikan hutang negara kita.”

Pada hakikatnya hutang negara semata-mata mencerminkan liability hutang tunai (cash debt liabilities) iaitu pendapat dari satu pihak sahaja. Yang terpenting ialah asset sektor awam (public sector assets) tidak pernah disenaraikan sebagai penyata untung dan rugi perniagaan oleh mana-mana pihak Kerajaan. Sebabnya ialah kegiatan dan fungsi-fungsi Kerajaan tidak sama dengan sesebuah perniagaan misalnya Malayan Tobacco Company Sdn Bhd., yang terletak di bawah kawasan Ahli dari Sungei Besi, syarikat-syarikat perniagaan tidak menanggung misalnya pembinaan Lebuhraya-lebuhraya dan belanja penyelenggaraannya. Sebagai satu contoh yang menyakinkan kuasa ekonomi terbesar di dunia iaitu Amerika Syarikat dengan penduduk seramai 229.8 juta orang menanggung hutang sebanyak US\$992.6 billion pada tahun 1981. Mengikut cara pengiraan yang digunakan oleh Ahli dari Sungei Besi, setiap manusia di Amerika terpaksa menanggung hutang sebanyak US\$4,319.

Saya bertanya kepada Ahli dari Sungei Besi apakah Amerika Syarikat bakal menjadi bankrap, begitu juga apakah seorang Ahli Parlimen bakal menjadi bankrap kerana mendapatkan pinjaman wang perumahan Kerajaan sebanyak \$60,000 dan pinjaman wang kenderaan sebanyak \$20,000? Apa yang tercicir dari.....

Tuan Gooi Hock Seng: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Dia minta penjelasan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Boleh.

Tuan Gooi Hock Seng: On a point of order. Mengikut Peraturan Mesyuarat—12, nampaknya Ahli Yang Berhormat sudah ketepikan perkara yang diperbahaskan hari ini.

Tuan Pengerusi: Sebut dahulu Peraturan Mesyuarat.

Tuan Gooi Hock Seng: 66(12).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat apa yang hendak minta.....

Tuan Gooi Hock Seng: Sebab perkara yang dibincangkan ialah mengenai Maksud Bekalan bukan perkara peribadi Ahli dari Sungei Besi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lumut hanya menyentuh atas apa yang di katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi dari segi angka-angka yang ada dalam perbelanjaan yang berkenaan. Yang Berhormat sila menyambung.

Tuan Ng Cheng Kuai: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya tadi saya merujuk kepada Pengurusan Kewangan Hutang dan Pelaburan.

Saya merasa kesal kerana Ahli tadi cuba membela rakannya dari Sungai Besi dengan tidak berjaya (*Ketawa*). Apakah beliau tidak mempertahankan tuduhan-tuduhan dan dakwaan kewangan yang disebutkan oleh rakannya? Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, apa yang tercicir dari perkiraan Ahli dari Sungei Besi ialah kekayaan dan nilai harta benda, dengan izin, tangible atau intangible kepunyaan negara ini. Jika hendak mencerminkan satu gambaran yang tepat kita terpaksa mengambil kira nilai harta benda dan kemudahan negara seperti:

Yang pertama, nilai semua Lebuhraya termasuk Lebuhraya Timur-Barat, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dan sebagainya.

Yang kedua, nilai semua bangunan Kerajaan termasuk Bangunan Parlimen dan bangunan Kerajaan-kerajaan Negeri dan sebagainya.

Yang ketiga, nilai semua bangunan hospital termasuk kemudahan di peringkat desa.

Yang keempat, nilai semua universiti.

Yang kelima, nilai semua bangunan mahkamah.

Yang keenam, nilai semua kelengkapan Angkatan Bersenjata.

Tuan Pengerusi, senarai ini adalah tidak akan habis-habis, jadi saya menjemput Ahli dari Sungai Besi menilai.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sebutkan Kepala yang berkenaan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Pengerusi, Kepalanya iaitu B. 29.

Tuan Pengerusi: Butiran apa?

Tuan Ng Cheng Kuai: Butiran 1100. Program Pengurusan dan Analisa Kewangan di bawahnya iaitu Butiran kecil Pengurusan Kewangan Hutang dan Pelaburan, muka surat 303.

Jadi saya menjemput Ahli dari Sungei Besi menilai dan menentukan angka kekayaan negara Malaysia untuk membanding dengan jumlah hutang yang beliau sebutkan dalam ucapannya.

Untuk makluman beliau pakar-pakar kewangan menganggarkan nilai harta benda sektor awam di Amerika Syarikat pada tahun 1968 berjumlah US\$2,750 billion.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila menumpu kepada perkara yang di bawah Kepala. Jangan keluar jauh sangat, keluar sedikit boleh, jangan jauh sangat! (*Ketawa*)

Tuan Ng Cheng Kuai: Saya akan menumpukan perkataan hutang yang disenaraikan dalam muka surat 303.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyambung ucapan tadi. Kesimpulan pakar-pakar iaitu setiap warganegara Amerika Syarikat memiliki purata US\$12,000 dari kekayaan negara bagi tahun 1968.

Tuan Pengerusi, ternyata teori kewangan ciptaan Ahli dari Sungai Besi akan dijadikan peluru politik untuk mencemarkan imej dan prestasi Kementerian Kewangan. Jadi, saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya Unit Sistem Pengurusan Kewangan di bawah Kementerianya memulakan penganalisaan dan menumpukan data-data tentang nilai harta benda kepunyaan sektor awam untuk tujuan menenggelami tuduhan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan belanjawan bagi Kementerian Kewangan tahun 1983.

4.30 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I rise to participate in the debate on the estimates for the Ministry of Finance wherein this House has been requested to approve a sum of \$2,191,116,817 being development and operating expenses for the Ministry for next year and I wish to refer to Maksud B. 29—Butiran 1100, Programme (1) (a).

In the June 1980 session of Parliament, I posed a question to the Minister of Finance with regard to Government's cheques which are valid for a duration of one month and the hardship it caused to beneficiaries because of postal delays as and when the cheques reached the beneficiaries they were very frequently found to be out-of-date.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ini bawah aktiviti apa?

Tuan Fung Ket Wing: Butiran 1100, Programme (1) (a).

Tuan Pengerusi: (1) (a), okay.

Tuan Fung Ket Wing: However, the Finance Minister in his written reply to me stated that the validity of the cheques issued by the Government

had been extended to two months. This extension is indeed welcome as it has minimised the inconveniences caused. But, unfortunately, there are some who did not receive the cheques in time for them to beat the 60 day expiry deadline. As an example, I would mention of a goldsmith in Sandakan who received a cheque from the Government for a small amount, and though the validity of the cheque was meant to be for two months, he received it only 3 days before the expiry date. The cheque was immediately banked in for clearing. The cheque, however, was returned a week later with the remark 'out-of-date' as the cheque did not arrive in time for the Bank Negara Branch in Kota Kinabalu to clear it. I urge the Minister of Finance to look into this matter with a view to either extend the validity of cheques to three months or to ensure that all cheques are despatched immediately, not later than one week after issue in order to avoid causing unnecessary inconvenience to the beneficiaries.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, what was the date on the cheque?

Tuan Fung Ket Wing: I don't recall but it was valid for two months, but only received 3 days before expiry.

The other subject I wish to touch on is the Stock Exchange market in Malaysia. Since last year, the Stock Exchange market has plunged downwards tremendously. Last year the Government put the cause as speculation but the Stock Exchange market went down even further because of world economic recession, coupled with manipulation and illegal and irregular trading in the Stock Exchange market such as selling short internal trading and the complete control in the stock Exchange market. Recently it was reported that there was also forgery of share certificates by certain operators, which tantamounts to cheating the public.

Last year, the Deputy Finance Minister told the House that the Government had taken steps to amend the Stock Exchange Act to prevent manipulation and malpractices in the Stock Exchange market, but, until now, there is no sign that the law will be amended. I call on the Finance Minister to speed up the amendment of the Stock Exchange Act to provide for a proper and healthy Stock Exchange and to ensure that the public should not become victims of the capitalists and manipulators.

I would also like to refer to Maksud B. 30—Butiran 4100, Aktiviti

Tuan Pengerusi: Sebut muka surat—page.

Tuan Fung Ket Wing: Page 317, Aktiviti (2) Road Grant to Municipalities and Town Councils for Sabah and Sarawak. The amount allotted has been greatly reduced from \$13,291,760 in 1982 to \$4,772,500 for 1983. The total reduction amounts to \$8,519,260. This is unfair as Sabah and Sarawak face communication problems and in fact more money should be provided for the maintenance and upkeep of roads. Many roads in Sabah and Sarawak were constructed long before Malaysia Day and during those days it was not envisaged that the vehicle-load would increase so sharply and together with the poor drainage systems most of the roads are in a bad state of disrepair in these two States. The reduction by almost 2/3 of the allocation for the year 1983 will mean that the people in Sabah and Sarawak will suffer great inconvenience as the Municipalities and Town Councils do not have enough money to maintain these roads.

While still on this subject, I would like to point out that in Sandakan, where the Sandakan Municipality

awarded a tender to Suntee Earth Moving Company and Sri Padas Sdn Bhd to fill up the coastal area at 1½ miles, North Road with earth. The heavy vehicles belonging to these two companies together with loaded ones have damaged the whole section of the road from Sanny Estate which is the main road to all the people living in the Sanny Estate and the nearby areas, which has more than 2 to 3 thousand people. They complained to the authorities concerned but no action has been taken to remedy the situation. Is it because these two companies belonged to the leaders of the Berjaya Party? I took the matter up with the Public Works Department and when the road was repaired, the same thing happened again and this happened at least four or five times until the Public Works Department also refused to carry out any further repairs.

The Government must take appropriate action to stop heavy lorries from damaging this section of the road. Why must companies with political influence be allowed to ignore the welfare of the rakyat? I call for more stringent action to be taken against the companies and I also support that more funds be allocated for the repair of the roads in Sabah and Sarawak.

Now I would like to touch on Maksud B. 33—Butiran 1100, Program (3)(c), page 331.

In Sabah, the Income Tax Department Branches in the various towns are responsible for the collection of the income tax from the business community whereas personal taxes and others are the responsibility of the Income Tax Department in Kota Kinabalu. All taxes levied by the Income Tax Department Branches must be paid to the Income Tax Department in Kota Kinabalu. This

ruling has caused great inconvenience to the taxpayers. Many of them are illiterate people and they have to engage people to help them to draft their letters and also to get bank drafts for payment. Sometimes letters containing drafts being tax payments are lost in the mail, which is quite rampant in Sabah, and when this happened the taxpayers were charged accrued interest for late payment, thus involving unnecessary expenses which in many cases were even more than the tax imposed.

I call on the Government to reconsider this, so that taxpayers can pay their taxes at the local office of the Income Tax Department so as to avoid unnecessary inconvenience.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

4.39 *ptg.*

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Pengerusi, saya bangun merujuk kepada perkara-perkara di muka 303 di bawah Maksud Bekalan B. 29, Kod 1100, Program (1) (c).

Pihak Kementerian Kewangan di bawah penyemakan cukai hendaklah dengan segeranya mengulangkaji struktur cukai supaya terdapat satu struktur cukai yang lebih adil dan menasabah. Adalah didapati struktur cukai ini selepas satu kajian mendalam mempunyai anomali-anomali dan disparity yang mengejutkan (shocking anomaly and disparity) di antara orang yang kaya dan miskin yang dikekal dan dipelihara dengan pengetahuan dan pengesahan secara terbuka oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Oleh itu, saya hendak mengambil peluang ini untuk menyampaikan kepada Dewan yang mulia ini, terutamanya Menteri Kewangan mengenai anomali-anomali dan

disparity dalam struktur cukai kita dengan harapan supaya Bahagian Penyemakan Cukai dalam Kementerian Kewangan akan mengambil perhatian dan membetulkannya dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Pengerusi, satu daripada anomali-anomali yang mengejutkan dalam struktur cukai kini dan saya tidak mengetahui sama ada Tuan Pengerusi sedar kuda-kuda lumba dalam negara ini tidak dikenakan sebarang Duti Import, Cukai Tokok atau Cukai Jualan. Saya pasti ini sama juga mengejutkan semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang tidak sedar hal ini kecuali mereka yang sedar tetapi memilih untuk tidak menyuarakan ataupun menyokongnya. Apa yang juga menghairankan pihak DAP ialah bahawa pengecualian cukai keseluruhan ke atas kuda-kuda lumba ini didapati semenjak dari masa kemerdekaan iaitu kuda-kuda lumba telah dikecualikan daripada sebarang cukai dalam masa 25 tahun yang lalu. Saya tidak memahami mengapa dan kenapa dalam 25 tahun yang lalu Kementerian Kewangan tidak mengambil sebarang tindakan untuk menganakan cukai ke atas kuda-kuda lumba tersebut ataupun adakah pengecualian keseluruhan Cukai Kastam dan Cukai Jualan untuk kuda-kuda lumba ini dibiarkan dengan sengaja tetapi tidak mungkin kerana mereka yang berada dalam Kerajaan pasti sedar akan perkara ini.

Kerajaan sekarang berkewajipan menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini mengapa sebarang Duti Import, Cukai Tokok dan Cukai Jualan tidak dikenakan ke atas kuda-kuda lumba ini dan juga dalam tempoh 25 tahun yang lalu. Sebaliknya, pengimportan kerbau-kerbau, kambing-kambing dan ayam-ayam dikenakan Cukai Tokok

sebanyak 5% walaupun haiwan-haiwan tersebut telah diperjeniskan sebagai barang-barang keperluan. Tentunya Kerajaan mesti mengetahui bahawa pemilik-pemilik kuda-kuda lumba adalah daripada golongan yang sangat kaya, jika tidak pun, daripada golongan jutawan. Mereka ini adalah mampu membayar cukai untuk keraian dan kemeriahan mereka, namun mengapa Kerajaan mengecualikan mereka daripada pembayaran cukai-cukai untuk memiliki kuda-kuda lumba. Saya tidak memahami dan saya tidak akan faham polisi Kerajaan ini. Adakah Kerajaan menggalakkan satu polisi baru iaitu, dengan izin, 'Race horse owning democracy' dalam negara ini?

Perdana Menteri baru-baru ini telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan mengkaji kewujudan kasino di Genting kononnya wujudnya kasino itu adalah bertentangan dengan Islam yang melarang perusahaan kasino.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tolong tumpukan percakapan kepada soal cukai, nampaknya ini telah terkeluar daripada itu.

Tuan Gooi Hock Seng: Ini berkenaan dengan Penyemakan Cukai.

Tuan Pengerusi: Bagaimanapun ini sudah jadi percakapan atas dasar. Jika boleh cakap atas perkara butiran-butiran.

Tuan Gooi Hock Seng: Tetapi dalam perkara ini Kerajaan adalah bersifat hipokrit kerana ia benarkan pengimportan kuda-kuda lumba tanpa sebarang Cukai Jualan, Cukai Tokok dan Cukai Import. Tuan Pengerusi, di manakah letaknya keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional?

Tuan Pengerusi, satu lagi anomali yang mengejutkan adalah pengecualian keseluruhan Duti Import dan Cukai Jualan ke atas kayu golf, bola golf, golf tees dan golf ball wipers. Lagi pun mengapakah pemain-pemain golf di negara ini diberi keistimewaan ini, cuma Kerajaan Barisan Nasional hanya boleh memahaminya dan diharap Menteri Kewangan boleh menjejaskan kepada Dewan yang mulia ini mengapa kedudukan sedemikian berlaku. Adakah pengecualian cukai ini diberi kerana ramainya daripada Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Menteri-menteri Besar, Ahli-ahli Exco dan kakitangan-kakitangan kanan Kerajaan adalah terdiri daripada pemain-pemain golf. Jika ini sebenarnya maka pengecualian cukai yang diberi kepada pemain-pemain golf adalah menjadi satu penyalahgunaan kuasa.....

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat itu minta jalan.

Tuan Gooi Hock Seng: Saya tidak beri. Di samping itu, saya juga hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa alat-alat permainan sukan yang dimainkan oleh murid-murid sekolah dan mereka yang berada dalam golongan pendapatan rendah dikenakan Cukai Jualan. Murid-murid sekolah dan mereka yang berada dalam pendapatan rendah dikenakan Cukai Jualan pengimportan atas bola sepak, shuttle-cock, ping pong dan sepak takraw tetapi Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Menteri-menteri Besar tidak perlu dan tidak dikenakan membayar Cukai Jualan bagi kayu golf, bola golf, golf tees dan golf ball wipers. Di samping itu, ini bermaksud.....

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat itu minta jalan, beri atau tidak?

Tuan Gooi Hock Seng: Tidak! (*Ketawa*). Sebab Menteri Kewangan ada chance memberi jawapan.

Di samping itu, ini bermaksud murid-murid sekolah juga dikenakan membayar Duti Import atas reket-reket badminton dan tennis tetapi Menteri-menteri dan pemimpin tertinggi Kerajaan tidak membayar sebarang Duti Import atas kayu golf. Saya berharap Menteri Kewangan bolehlah menjelaskan kepada Dewan ini mengapa Kerajaan meneruskan dengan struktur cukai ini.

Saya juga hendak menyoal Menteri Kewangan sama ada beliau sedari Cukai Tokok dikenakan ke atas buku-buku gambar kanak-kanak dan buku-buku melukis (*painting books*) tetapi buku-buku bercetak seperti majallah dan 'periodical' untuk orang-orang dewasa dikecualikan daripada Cukai Tokok. Ini bermaksud bahawa struktur cukai ini orang dewasa adalah dikecualikan daripada bayaran Cukai Tokok untuk buku-buku seperti majallah-majallah *Sexology* dan majallah-majallah *Playboy* dan *Penthouse* jika ia tidak dilarang masuk tetapi kanak-kanak dikehendaki

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, mana boleh dapat majallah *Playboy* dan sebagainya? (*Ketawa*)

Tuan Gooi Hock Seng: Jika tidak dilarang masuk, if not prohibited. Kanak-kanak kena membayar Cukai Tokok untuk buku-buku gambar dan buku-buku melukis mereka. Struktur cukai ini adalah amat memalukan sekali untuk negara ini. Tidaklah salah bagi saya untuk menyatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang unik dalam seluruh dunia di mana

kanak-kanak dikenakan membayar cukai atas buku-buku gambar tersebut tetapi orang dewasa tidak perlu membayar sebarang cukai atas buku-buku majallah seperti buku-buku *Sexology*. Saya berharap Menteri Kewangan boleh menjelaskan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini dan juga kepada berjuta-juta ibubapa-ibubapa dalam negeri ini mengapa wujudnya keadaan begitu.

Tuan Pengerusi, DAP juga menyeru Menteri Kewangan menerangkan mengapa colok-colok, kertas-kertas berhala, crucifixes atau palang-palang Kristian, Rosary dan patung-patung berhala dikenakan Duti Import tetapi tikar sembahyang untuk umat Islam dikecualikan daripada Duti Import. Pihak Menteri Kewangan hendaklah menjelaskan mengapa penganut-penganut agama bukan Islam tidak diberikan pengecualian seperti yang dinikmati oleh orang beragama Islam. Kami daripada DAP mengharapkan Kerajaan akan memberi layanan dan juga keistimewaan yang sama ke atas semua alat-alat agama yang digunakan oleh semua rakyat Malaysia tidak mengira agama. Oleh itu, saya hendak menarik perhatian Kementerian Kewangan supaya mengubahkan anomali-anomali dan disparity-disparity yang terdapat dalam struktur cukai ini dengan seberapa segera yang boleh supaya terdapat satu struktur cukai yang lebih berekuiti untuk negara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit Buntar.

4.50 ptg.

Tuan Abdul Raman bin Suliman (Parit Buntar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Kewangan. Memang sepatutnyalah kita memberi ucapan tahniah kepada Menteri, Timbalan Menteri dan juga pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan yang telah

dapat menyediakan peruntukan bukan sahaja bagi Kementerian Kewangan sendiri tetapi juga bagi Kementerian-kementerian lain.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan dua perkara sahaja semasa mesyuarat ini.

Yang Pertama, ialah bagi Maksud Bekalan 29 iaitu Butiran 1100, Program (2) (a) (i) mengenai Program Pengurusan dan Analisis Kewangan iaitu berkenaan dengan Pengurusan Belanjawan dan Pemeriksaan Belanjawan.

Kalau kita lihat sekarang ini pemeriksaan Belanjawan iaitu sama ada dari segi pemeriksaan perjawatan ataupun pembangunan selalunya dilakukan pada awal tahun bagi setengah-setengah jabatan dan bagi pegawai-pegawai yang terpaksa menyediakan keperluan-keperluan untuk tujuan pemeriksaan Belanjawan ini terpaksa bertungkus lumus pada penghujung tahun yang sama bagi tahun Belanjawan yang akan datang pula. Dalam hal ini kita lihat sekiranya jabatan-jabatan yang diperiksa Belanjawannya dari segi perjawatan ataupun pembangunan dijalankan di awal tahun bagi tahun yang akan datang, umpamanya bagi tahun 1982 diperiksa pada awal tahun 1982 untuk tujuan tahun 1983.

Dalam hal ini masalah yang timbul ialah jabatan ataupun Kementerian yang berkenaan tidak akan mengetahui prestasi tahun itu untuk tujuan pemeriksaan ataupun penyediaan Belanjawan bagi tahun yang akan datang. Ini adalah satu kesulitan yang sentiasa dihadapi oleh pegawai-pegawai khasnya bagi mereka yang kena periksa Anggaran Belanjawan mereka. Selain daripada itu pegawai-pegawai ini juga dikehendaki menyediakan Belanjawan untuk tahun yang akan datang pada penghujung tahun yang sama.

Ini sudah tentulah bukan sahaja membebaskan pegawai-pegawai yang terpaksa menyediakan Anggaran tersebut tetapi juga kita tidak dapat dengan sebaik-baik mungkin memeriksa Belanjawan itu secara prestasi pada masa-masa yang lepas. Saya mengesyorkan atas alasan-alasan untuk menjimatkan tenaga pegawai-pegawai yang digunakan untuk tujuan pemeriksaan Belanjawan ini sekiranya mungkin kita mengadakan pemeriksaan Belanjawan dua tahun sekali ataupun lima tahun sekali mengikut rancangan-rancangan yang diadakan bagi Rancangan Malaysia.

Dengan hal yang demikian kalau mungkin timbul umpamanya di tengah tahun satu masalah umpamanya kalau keadaan ekonomi kita pada pertengahan tahun bertambah baik maka kita bolehlah mengkaji semula Belanjawan kita dan ini boleh menjimatkan guna tenaga pegawai-pegawai ataupun pegawai-pegawai ini boleh digunakan untuk merancang atau menganalisa kewangan bagi jabatan masing-masing.

Tuan Pengerusi, yang kedua, muka 331, Butiran 1100, Program (2), (3) dan (7) iaitu mengenai penaksiran cukai-cukai, pungutan cukai-cukai dan juga pemeriksaan dan pendaftaran perniagaan.

Kita lihat daripada budget pada tahun ini memang Menteri Kewangan ataupun Kerajaan kita telah sedar betapa peniaga-peniaga besar telah mengelakkan cukai-cukai mereka pada masa-masa yang lepas. Langkah-langkah mengadakan cukai-cukai baru yang lebih tinggi itu menunjukkan bahawa kita sedar perkara-perkara seperti ini telah berlaku pada masa-masa yang lepas tetapi dalam hal ini kita lihat juga berbagai cara lain peniaga-peniaga cuba mengelakkan cukai, tidaklah seperti pegawai Kerajaan yang tidak boleh

mengelakkan cukai mereka kerana mereka menerima gaji bulanan. Tetapi peniaga-peniaga boleh melarikan cukai mereka dengan berbagai-bagai helah.

Untuk mengurangkan cara-cara mereka mengelakkan cukai ini, saya mengesyorkan supaya Kementerian Kewangan hendaklah bekerjasama dengan jabatan-jabatan lain yang mana tiap-tiap orang peniaga apabila mereka hendak berniaga terpaksa mendaftarkan perniagaan mereka dalam bidang-bidang tertentu daripada pihak-pihak tertentu. Kementerian Kewangan hendaklah memastikan dengan jabatan-jabatan berkenaan apabila mereka hendak membaharui (renew) pendaftaran perniagaan mereka, mereka hendaklah mengepulkan bersama masalah cukai ataupun maklumat-maklumat cukai supaya mereka tidak dapat mengelakkan perkara ini untuk membaharui lesen-lesen mereka.

Dalam hal ini kita dapati kalau umpamanya mereka tidak dapat menunjukkan prestasi perniagaan mereka maknanya mereka tidak dapat mengemukakan butir-butir mengenai cukai dan dengan yang demikian pendaftaran mereka tidaklah boleh dibaharui. Dengan keadaan demikian, mungkin Kerajaan dapat mengurangkan sedikit sebanyak bagaimana peniaga-peniaga ini mengelakkan cukai daripada Kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batu Pahat.

4.57 ptg.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya bangun turut serta untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Kewangan.

Saya suka menyentuh B. 29, muka surat 303, Butiran 1100, Program (2) (b) dan muka surat 314, P. 29, Projek 13 iaitu Gaji dan Upahan dan Pembayaran khas kepada Kontrektor-kontrektor.

Saya suka menyentuh perkara ini memandangkan kepada Dasar Ekonomi Baru kita untuk mendapatkan 30% penyertaan bumiputra. Dalam hal ini Kerajaan telahpun menubuhkan Amanah Saham Nasional di mana setakat ini Kerajaan telah berjaya mendapatkan lebih daripada sejuta bumiputra untuk melabur di dalamnya. Walau bagaimanapun pada pendapat saya masih jauh lagi angka yang patut dicapai untuk menentukan kejayaan Amanah Saham Nasional ini.

Oleh yang demikian saya suka mencadangkan supaya Kementerian Kewangan membuat penelitian ataupun membuat pandangan supaya bayaran simpanan di dalam EPF (Employees Provident Fund) itu dapat dikeluarkan sebagaimana yang telah dibolehkan untuk pembelian rumah supaya dapat dikeluarkan untuk pelabur-pelabur bumiputra melabur di dalam Amanah Saham Nasional. Kerana apa yang berlaku pada masa ini jumlah yang dapat dikeluarkan itu terlalu kecil untuk digunakan sebagai pembayaran pembelian rumah. Oleh itu pada pendapat saya oleh sebab Amanah Saham Nasional ini adalah dianjurkan oleh Kerajaan dan berkemungkinan besar mendapat kejayaan maka adalah lebih baik jumlah ini dikeluarkan untuk pelabur-pelabur bumiputra melabur di dalam Amanah Saham Nasional.

Seterusnya saya menyentuh juga kepada pembayaran khas kepada kontrektor-kontrektor sebanyak \$20 juta yang dicadangkan dibayar di dalam tahun 1983 supaya ditentukan sebahagian daripadanya dilaburkan di

dalam Amanah Saham Nasional supaya mereka tidaklah menghabiskan wang itu kepada perkara-perkara yang tidak menguntungkan negara dan kepada mereka sendiri.

Saya suka juga membangkitkan perkara B. 29, muka surat 304, Butiran 1100, Program (3) (c) mengenai Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Saya suka mengambil perhatian Dewan ini kepada apa yang berlaku kepada penaksiran harta di bandar Mahrani, Muar dimana keseluruhan penduduk-penduduk di sana telah sangat-sangat tidak berpuas hati diatas penilaian harta-harta di bandar tersebut. Oleh sebab banyak lagi bandar-bandar dan Majlis-majlis Perbandaran yang akan dinilai harta-harta penduduk-penduduk tersebut, saya mencadangkan supaya jabatan ini memikirkan dengan secara terperinci dengan penelitian yang sungguh-sungguh mendalam supaya perkara ini tidak berbangkit lagi. Saya suka menegaskan di sini cara penilaian yang dibuat di Majlis Perbandaran Johor Bahru adalah sangat-sangat memuaskan penduduk di Johor Bahru dan oleh sebab itu tidak ada bantahan yang besar yang berlaku apabila penilaian itu dibuat di Majlis Perbandaran Johor Bahru. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Jabatan ini juga mempelupuri dan mempelajari daripada apa yang telah dilakukan oleh mereka di Majlis Perbandaran Johor Bahru supaya penilaian-penilaian dibuat kepada bandar-bandar yang lain tidak akan menyusahkan dan memberatkan penduduk-penduduk yang berkenaan.

Saya suka menyentuh perkara B. 33, muka surat 331, Butiran 1100, Program (4) mengenai Penyiasatan.

Saya menyokong ucapan Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar mengenai kebolehan, keupayaan ahli-ahli

perniagaan untuk mengelakkan cukai daripada pendapatan yang diperolehi oleh mereka. Walaupun tidak diperakui tetapi memang boleh dipercayai bahawa kebanyakan pemaju-pemaju perumahan mendapat keuntungan bukan sahaja daripada keuntungan yang dibuat daripada perniagaannya tetapi kemungkinan juga mereka mendapat pembayaran-pembayaran yang dibuat, dengan izin, under the counter atau pembayaran yang boleh diterima dengan tidak dipastikan oleh Kerajaan yang mana mereka boleh melarikan cukai. Selain daripada itu ramai juga ahli-ahli perniagaan yang mendapat pendapatan yang besar tetapi menjalankan perniagaannya secara kecil-kecilan.

Ingin saya menerangkan caranya begini, iaitu ada peniaga-peniaga yang mendapat pendapatan yang lebih besar tetapi cara mereka menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan ia itu dengan tidak menggunakan kedai-kedai yang besar tetapi hanya dengan menggunakan gerai-gerai kecil dan apabila diteliti pendapatan mereka adalah lebih menguntungkan ataupun lebih besar daripada mereka yang menggunakan kedai-kedai yang besar. Oleh yang demikian, saya sukalah mengambil perhatian Kementerian ini supaya dapat menggunakan kemudahan computer dan mengkoordinasikan pendapatan-pendapatan mereka melalui bukan sahaja dengan penilaian daripada pendapatan mereka tetapi dengan cara kemampuan mereka membeli harta, misalnya daripada pihak jabatan-jabatan cukai ataupun pihak swasta yang mana mereka berkemampuan membeli rumah. Separuhnya daripada mereka membeli rumah dengan tidak menggunakan pinjaman wang bank bahkan terus membayar dengan harga tunai. Jadi tidaklah berpatutan bagi mereka yang menggunakan keseluruhannya kebajikan yang diberikan oleh Kerajaan tetapi mereka

tidak pula melaksanakan tugas mereka untuk membayar cukai kepada negara.

Saya suka juga menyentuh B. 29, muka surat 303, Butiran 1100, Program (2) Pengawasan dan Analisa Kewangan.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya percaya sebagaimana yang dicadangkan oleh belanjawan ini iaitu Kerajaan bercadang untuk menghapuskan cukai dengan memasukkan computer sebanyak 25% sebagai penggalakan untuk kegunaan computer di negara ini. Oleh yang demikian, saya percaya di dalam masa tidak beberapa lama lagi computer akan dipergunakan oleh semua peringkat di dalam tempat-tempat perniagaan swasta dan juga oleh agensi-agensi badan-badan berkanun dan Kerajaan sendiri. Oleh yang demikian kemungkinan besar penggunaan computer ini tidak akan dapat terkawal dengan sebaik-baiknya sekiranya tidak diadakan sesuatu badan atau agensi yang menentukan supaya penggunaan dan pembelian computer ini terkawal dengan sebaik-baiknya, kerana kemungkinan sekiranya dibenarkan pihak-pihak Kerajaan, badan-badan berkanun dan agensi membeli ataupun menggunakan kemudahan computer dengan tidak ada tapisan atau telitian daripada pihak yang berkenaan, kemungkinan besar apabila diadakan computer itu pembaziran akan berlaku di mana ketidak adanya mereka yang berkemampuan untuk mengendalikan computer itu seperti mereka yang pakar seperti System Analyst, Programmers, operator-operator dan juga kegunaan-kegunaan program-program seperti software, hardware dan juga jenis-jenis computer yang patut dibeli dan dipergunakan. Kerana daripada pengalaman saya pada masa yang lampau ada badan-badan

berkanun yang telah menggunakan computer tetapi pada pertengahan jalan telah menukarkan jenis computer yang lain dan ada juga yang telah menghentikan kegunaan computer disebabkan oleh kekurangan tenaga atau kemampuan untuk menjayakan kemudahan computer tersebut. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya sebuah agensi diadakan di bawah Kementerian Kewangan untuk menentukan supaya penggunaan computer tidak menjadi pembaziran. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Putih.

5.08 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Putih): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap mengenai B. 29, Program (3) Pengurusan Kontrak dan Bekalan, muka surat 304.

Tuan Pengerusi, kita dapati bahawa banyak kontraktor-kontraktor bumiputra ataupun kontraktor-kontraktor besar kadang-kadang tidak dapat menyiapkan kerja-kerja kontraknya maka kita terpaksa membatalkan kontrak itu. Selepas kita batal, terpaksa di tender, apabila kita tender baru, kita dapati bahawa kosnya telah meningkat. Jadi dengan keadaan seperti ini didapati bahawa Kerajaan telah menanggung kerugian daripada kenaikan kos tender baru itu.

Oleh itu saya mencadangkan supaya pihak kewangan selain daripada menentukan pilihan kontrak yang benar-benar berkemampuan tetapi jika sekiranya berlaku hendaklah mengenakan denda supaya kontraktor itu membayar balik denda di antara kontrak yang diberi dahulu dengan kontrak baharu yang ditawarkan supaya Kerajaan tidak akan menanggung kos dari segi penolakan ataupun dari segi pembatalan kontrak yang telah dibuat.

Selain daripada itu saya suka hendak menyebutkan di sini bahawa kontraktor bumiputra ini kepandaianya kurang, latihannya mungkin ada, dari segi disiplinnya kurang, jadi selain daripada agensi latihan kontraktor bumiputra diadakan, patut juga projek-projek kecil yang bawah daripada \$1 juta jika boleh tidak diadakan secara tender tetapi dengan diadakan secara pemberian yang dikawal oleh pihak Kementerian. Misalnya Kerajaan memberi Kontrek ini dengan kos campur keuntungan. Bermakna dari segi projek itu Kerajaan dapat menolong daripada peringkat awal lagi supaya kontraktor bumiputra itu tidak menanggung kerugian. Ini disebabkan bumiputra kekurangan kemahiran dalam kontrek. Jadi dengan cara itu sekurang-kurangnya Kementerian ini mengadakan keuntungan, misalnya saya kata 20% daripada kos yang dibuat oleh kontraktor ataupun 30% dikenakan dengan cara itu. Dengan cara ini saya rasa kontraktor bumiputra ini dapat berjalan dari segi peringkat permulaannya kerana sebagaimana saya katakan tadi mereka kurang kemahiran dan kepandaian, tetapi dengan cara ini ia dapat ditolong, ataupun kalau boleh pihak Kerajaan sendiri, pihak Kementerian ini membekalkan barang-barang dan juga segala kehendak-kehendak kontraktor. Ini kontrek di bawah daripada \$1 juta dan apabila siap pihak Kementerian boleh mengkaji semula tentang kos dan campur keuntungan, itu dikira tawaran yang diberi setelah projek itu siap. Dengan cara ini, saya rasa projek-projek itu dapat dijalankan dengan cara yang baik dan yang betul dan tidaklah kontraktor bumiputra ini tidak dapat berjalan untuk menandingi kontraktor-kontraktor yang telah mahir, yang telah berkemampuan yang mempunyai kewangan yang cukup, yang mempunyai hubungan dari segi mendapat barang-barang bekalan.

Kerana kita tahu kadang-kadang barang-barang bekalan ini merupakan satu masalah kepada pihak kontraktor bumiputra bagi menyiapkan sesuatu projek. Dengan sebab itu saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan memberi kemudahan projek-projek yang di bawah daripada \$1 juta diberi kontrek kos campur keuntungan dengan beberapa peratus yang patut diberi, 20% atau 30% dan dengan ini dapat membimbing bumiputra bagi melangkah kepada cara kontrek yang lebih besar, yang lebih mahal harganya.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh muka surat 319, Bekalan 31, Aktiviti (2) Kumpulan Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan dan juga Aktiviti (2) dan Aktiviti (4) Kumpulan Amanah Pinjaman Perumahan kepada Golongan Bumiputra Berpendapatan Rendah.

Dari segi peruntukan yang diberi di sini pada tahun yang sudah tidak ada tetapi pada tahun ini di bawah Aktiviti (2) ini—Kumpulan Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan ada peruntukan \$6 juta dan pada tahun berkenaan pinjaman perumahan bagi golongan bumiputra, golongan berpendapatan rendah ini peruntukannya \$10 juta. Jadi, kedua-dua projek ini sebenarnya angkanya ada, duit mungkin disediakan tetapi pelaksanaannya tidak begitu memberi kesan kepada peringkat-peringkat yang memerlukan. Misalnya kita kata dari segi Kumpulan Amanah Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah ini mereka tidak tahu bahawa pinjaman ini disediakan dan ada. Jadi seharusnya peruntukan yang diberi pada kedua-dua Aktiviti (2) dan Aktiviti (4) ini diselenggarakan oleh satu badan ataupun diberi kepada satu Kementerian atau satu badan lain yang menguruskan berkenaan dengan

ini supaya orang yang berkehendakkan pertolongan ini tahu bahawa ada peruntukan disediakan kepada mereka. Sebabnya kadangkadangkalah yang tahu ada pinjaman ini mereka itu bukan daripada golongan yang memerlukan tetapi mereka itu daripada golongan yang lebih daripada yang memerlukan. Mereka ini adalah merupakan mencari lubang-lubang kalau boleh mendapat keuntungan. Tetapi mereka yang benar-benar memerlukan tidak tahu adanya peruntukan ini. Jadi saya tidak mahu mencadangkan tetapi saya minta kepada Kementerian ini mengadakan satu jalan ataupun cara bahawa peruntukan \$10 juta ini dapat diberi tahu atau dibelanjakan misalnya dengan melalui pejabat-pejabat jajahan ataupun pihak-pihak yang tertentu supaya peruntukan \$10 juta ini digunakan kepada benda-benda yang memerlukan, kerana kadangkadangkalah benda ini tidak pun sampai kepada rakyat yang memerlukan pertolongan.

Selain daripada itu saya pergi kepada Program (1) Pentadbiran Am Butiran 1100 Gaji dan Upahan.

Sebenarnya pengurusan kewangan ini sebenarnya tidak semudah sebagaimana yang disangkakan. Tetapi setakat ini kita tahu beban yang ditanggung oleh Perbendaharaan ini sangat berat, bukan sahaja kekurangan kakitangan tetapi kekurangan orang yang berkebolehan terutama kalau pengurusan kewangan ini di peringkat negeri-negeri atau peringkat-peringkat daerah ataupun di peringkat-peringkat badan-badan berkanun, maknanya walaupun tidak ada kaitan dengan Perbendaharaan tetapi pengurusan kewangan ini ada berkaitan. Dengan sebab itu kita dapati bahawa walaupun kita ada pusat latihan tetapi kita tidak mempunyai latihan pengalaman di dalam pengurusan kewangan kerana

pegawai yang diambil itu hanya cukup untuk menjalankan tugas di satu-satu tempat itu. Apabila orang itu ditukarkan kepada satu tempat lain maka di situ akan menjadi kekosongan dan tidak ada orang yang menggantikannya. Ini yang berlaku. Jadi, dengan sebab itu saya mencadangkan supaya pihak Perbendaharaan mengambil kakitangan yang lebih daripada apa yang perlukan di situ demi untuk memberi latihan pengalaman supaya mereka ini dapat pergi ke negeri ataupun ke daerah-daerah ataupun ke tempat-tempat cawangan ataupun mungkin dapat diberi pegawai-pegawai ini kepada badan-badan berkenaan untuk menjalankan tugas kewangan negara supaya mereka dapat mencari pengalaman yang ada di Kementerian itu, ataupun kita tahu di mana-mana tempat pengurusan kewangan yang baik kita hantar kakitangan kita yang lebih di situ. Dan di situ mereka dapat pengalaman dan latihan. Kerana kita tahu di dalam pengurusan kewangan dari sebarang pekerjaan apa sekalipun, kalau kita hanya mengharapkan kelulusan akademik yang dipelajari di universiti ataupun yang dapat daripada luar hanya akademik itu dari segi teori, dari segi untuk diri pegawai itu tetapi dari segi pengalaman untuk mengurus kewangan ini adalah penting kepada Kerajaan.

Begitu juga dari segi pembekuan jawatan di dalam pentadbiran ini. Kita tahu sekarang ini jawatan-jawatan dibekukan dan Operasi Isi Penuh belum penuh tetapi sekarang ini kita membeku jawatan-jawatan itu. Betul kita membeku jawatan sekarang tetapi kesan dan akibatnya kemungkinan akan dapat dirasai dalam tiga, empat tahun akan datang dan mungkin Operasi Terpenuhi pula akan timbul misalnya, lebih daripada Operasi Isi Penuh yang terdapat baru-baru ini ataupun Operasi Penuh yang kedua

akan dibuat untuk memenuhi jawatan, kerana pembekuan jawatan yang ada sekarang ini mungkin pada peringkat awal kita tidak terasa tetapi dalam jangka panjang dua tiga tahun pembekuan ini akan dirasai oleh Jabatan-jabatan yang tertentu dari segi untuk mendapatkan pegawai-pegawai yang berpengalaman. Dengan sebab itu kepada pihak Perbendaharaan atau pihak Jabatan-jabatan lain atau pihak kewangan sendiri tidak akan menjalankan pembekuan jawatan ini secara menyeluruh ataupun secara tidak terperinci, tetapi buatlah dengan cara yang tidak merugikan negara dalam masa dua tiga tahun akan datang, kerana sebagaimana yang kita tahu Operasi Isi Penuh untuk mengisi jawatan ini baru inipun tidak lagi penuh. Dengan itu sepatutnya pembekuan jawatan ini tidak dilakukan demi untuk kepentingan negara. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab tiada siapa-siapa lagi Ahli yang hendak berucap, saya menjemput Timbalan Menteri Kewangan memberi jawapan.

5.23 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut membahaskan Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 1983 di bawah Maksud B. 29 hingga B. 33, Maksud P. 29, P. 32 dan P. 65 iaitu bagi Anggaran Belanjawan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi, semua pandangan-pandangan dan syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diteliti secara lebih

mendalam oleh Kementerian Kewangan dan tindakan sewajarnya akan diambil, insya Allah.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menerangkan sedikit sebanyak perkara-perkara yang penting di dalam peruntukan bagi Maksud-maksud Bekalan dan Pembangunan di bawah Kementerian Kewangan sebelum menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Bagi Maksud B. 29—Perbendaharaan. Pada tahun 1983, Perbendaharaan Malaysia memerlukan peruntukan berjumlah \$71.83 juta iaitu kurang sebanyak 22.4% jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1982. Pengurangan peruntukan ini adalah selaras dengan tujuan dan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan awam. Peruntukan yang diperlukan untuk tahun 1983 adalah bagi tujuan-tujuan Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Pemilikan Harta Modal dan Pembelian dan Berkenaan Bayaran Tetap.

Bagi maksud B. 30—Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Perbelanjaan yang dianggarkan untuk tahun 1983 ialah sebanyak \$843,379,200. Sebahagian besar dari perbelanjaan ini ialah untuk bayaran subsidi bahan-bahan petroleum iaitu kira-kira sebanyak \$750 juta atau 88.9% daripada keseluruhan peruntukan bagi tahun 1983. Selain daripada itu dipergandakan pula dengan pelaburan dan pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di mana sebanyak \$35 juta telah diperuntukkan untuk beberapa Kerajaan Negeri yang menghadapi masalah kewangan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan. Peruntukan sebanyak \$20 juta adalah juga dikehendaki di bawah Maksud ini untuk tujuan perbelanjaan 5% kos perkhidmatan

yang diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat dengan projek-projek Kerajaan Persekutuan.

Bagi Maksud B. 31 peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun. Di bawah Maksud ini peruntukan yang dikehendaki ialah sebanyak \$126 juta bagi tujuan Kumpulanwang Cadangan Untuk Negeri, Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan, Kumpulanwang Pendahuluan Untuk Negeri-negeri dan Kumpulanwang Amanah Pinjaman kepada Golongan Berpendapatan Rendah. Berbanding dengan peruntukan tahun 1982, peruntukan untuk tahun hadapan adalah 91% kurang daripada peruntukan tahun 1982. Di dalam lain-lain perkataan peruntukan bagi tahun 1983 hanyalah merupakan 9% sahaja dari jumlah peruntukan tahun 1982 di bawah Maksud ini.

Bagi maksud B. 32—Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Jabatan Kastam memerlukan sebanyak \$107.3 juta untuk Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1983 berbanding dengan \$104.9 juta pada tahun 1982 iaitu bertambah sedikit sebanyak 2.26%. Sebagaimana Maksud B. 29, peruntukan di bawah Maksud ini adalah untuk Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Pemilihan Harta Modal dan Pemberian Berkenaan Bayaran Tetap.

Maksud B. 33—Jabatan Hasil Dalam Negeri. Anggaran Perbelanjaan Mengurus yang diperlukan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri ialah sebanyak \$68.8 juta berbanding dengan peruntukan bagi tahun 1982 sebanyak \$69.739 juta iaitu kurang 1.3%. Peruntukan di bawah Maksud ini untuk tahun 1983 juga adalah untuk Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan dan Pemilihan Harta Modal.

Bagi Maksud P. 29-Perbendaharaan. Peruntukan yang diminta berjumlah sebanyak \$540.2 juta. Ini adalah bagi melaksanakan Rancangan Kerajaan untuk pembelian tanah, pelaburan Skim Pinjaman Perumahan dan Bantuan-bantuan Kewangan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Di bawah peruntukan pembangunan ini sebahagian besar adalah peruntukan untuk tujuan pembelian dan pengambilalihan tanah, yakni sebanyak \$205.6 juta di kawasan-kawasan tertentu khususnya di Wilayah Persekutuan. Sebanyak \$190.5 juta pula diperlukan untuk membiayai projek urea armonia ASEAN sementara peruntukan sebanyak \$100 juta adalah dikehendaki untuk Skim Pinjaman Perumahan.

Bagi Maksud P. 32—Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Peruntukan berjumlah \$33.56 juta. Sebanyak \$8.6 juta adalah untuk pembinaan pejabat-pejabat dan rumah-rumah kediaman pegawai dan kakitangan dan sebanyak \$24.96 juta adalah untuk membiayai pembelian kenderaan, lanci dan kelengkapan pejabat.

Seterusnya bagi Maksud P. 65-Simpanan Luar Jangka. Peruntukan sebanyak \$400 juta iaitu 50% sahaja dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1982. Peruntukan di bawah Maksud ini digunakan bagi mendahulukan perbelanjaan untuk projek-projek yang mana peruntukannya untuk mencukupi atau tidak disediakan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sebahagian daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama sekali, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Beliau agak kurang senang hati dengan Cukai Perkhidmatan yang dikenakan ke atas restoran ataupun kedai-kedai di luar hotel yang menjual lebih daripada \$500,000 setahun. Tuan Pengerusi, pada lazimnya golongan berpendapatan rendah jarang-jarang makan di kedai, kalau mereka itu rasional, biasanya mereka memasak sendiri. Jadi soal bagi mereka yang berpendapatan rendah selalu pergi makan di kedai agak tidak timbul. Seterusnya bagi kedai-kedai mendapatkan penjualan \$500,000 setahun, mengikut kiraan saya, kedai berkenaan harus menjual \$1,369,86 sen sehari kalau dia bekerja 365 hari setahun. Kalau dia bekerja 26 hari dalam sebulan sepanjang tahun, penjualan kedai berkenaan pada tiap-tiap hari yang dia berniaga ialah \$1,602.50 sen sehari. Dalam lain-lain perkataan, hanya kedai-kedai yang agak besar sahaja dengan pendapatan yang agak banyak sahaja yang dikenakan Service Tax itu. Jadi, pada pandangan Kementerian Kewangan, kalau sekiranya mereka yang berpendapatan rendah terpaksa juga, sekali sekala, makan di kedai, pilihlah kedai yang agak tidak begitu besar untuk mengelakkan Service Tax ini. Dalam pada itu, kita mungkin mengkaji juga cukai ini setelah berjalan. Tengoklah tahun hadapan macam mana pula keadaannya.

Wakil dari Sungai Petani telah menyentuh tentang pinjaman perumahan yang kurang memberi faedah kepada mereka yang berpendapat rendah.

Tuan Pengerusi, semenjak rancangan ini dilancarkan, golongan berpendapatan rendahlah yang banyak menikmati dari pinjaman perumahan ini. Mereka merupakan di antara 70%-76% daripada semua peminjam. Golongan berpendapatan

rendah termasuk jugalah mereka di dalam Kumpulan Perkeranian dan juga Buruh Kasar.

Tuan Pengerusi, wakil dari Tanjong Karang telah menimbulkan masalah cukai pendapatan yang bersabit dengan pendapatan pekerja-pekerja wanita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pelepasan cukai bagi isteri yang tidak bekerja pada masa ini, seperti yang kita ketahui, ialah \$2,000 setahun. Selain daripada itu juga, beliau diberi rebet sebanyak \$30. Seterusnya pendapatan isteri daripada penggajian dan profession masing-masing bolehlah ditaksirkan secara berasingan sekiranya mereka memilih membuat penaksiran berasingan.

Wakil dari Tanjong Karang juga telah membangkitkan masalah peruntukan tanda yang diberikan sebanyak \$10 bagi pembiayaan Zon Bebas Cukai. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat peruntukan yang disediakan di bawah Anggaran Maksud B. 30 ini bukanlah peruntukan bagi membiayai usaha-usaha kebajikan ataupun latihan kepada pekerja-pekerja di dalam zon tersebut. Sekiranya difikirkan perlu bagi membiayai usaha-usaha sedemikian maka ianya bolehlah dikaji oleh pihak Kementerian dan sekiranya didapati sesuai perkara itu akan dikemukakan di tahun-tahun yang akan datang.

Wakil dari Bukit Bendera telah mengemukakan pula kisah kuda-kuda berlumba. Barangkali apa yang dimaksudkan ialah kuda-kuda lumba. Jadi walaupun kita sedar bahawa kuda-kuda itu tidak dikenakan cukai tetapi kita faham bahawa perjudian yang disebabkan dengan adanya kuda-kuda itu dikenakan cukai-cukai.

Selanjutnya ingin pula saya menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh wakil dari Parit Buntar di mana beliau telah

mencadangkan supaya pemeriksaan Belanjawan diadakan dua kali setahun dan tidak sekali setahun seperti yang diadakan sekarang, oleh kerana pemeriksaan ini biasanya diadakan pada awal tahun dan agak sukar bagi kita untuk memastikan anggaran itu kerana ianya dibuat pada awal tahun berkenaan bagi tahun seterusnya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang terhormat, memang betul perkara itu dijalankan demikian, tetapi tidak ada cara lain di mana kita boleh membuat anggaran-anggaran bagi tahun hadapan. Pertama anggaran terpaksa dibuat dan memakan masa yang agak panjang, walaupun demikian pemeriksaan sebenarnya hanyalah dijalankan kira-kira dalam bulan Jun ataupun bulan Julai dan sekiranya pihak yang membuat anggaran pada awal tahun mendapati bahawa beliau ingin membetulkan di sana sini, biasanya Perbendaharaan membenarkan perkara itu dijalankan.

Yang kedua, walaupun anggaran dibuat dalam tahun ini bagi tahun hadapan, anggaran-anggaran ini adalah dibuat berdasarkan kepada prestasi tahun-tahun yang lepas dan mengikut pengalaman jabatan-jabatan yang berkenaan. Selain daripada itu, prestasi tahun semasa atau current dan juga anggaran bagi tahun hadapan juga biasanya diambil kira. Dalam pada itu, pihak Perbendaharaan dan juga Jabatan-jabatan Perkhidmatan Awam telahpun bersetuju secara prinsipnya untuk meneliti kemungkinan mengkaji anggaran dua tahun sekali seperti yang dikatakan oleh wakil dari Parit Buntar tadi. Kepada wakil berkenaan saya mengucapkan terima kasih.

Terima kasih juga hendak saya berikan kepada wakil dari Lumut yang telah memberi penerangan yang begitu panjang tentang erti pinjaman wang negara dan bukan seperti yang disebut oleh wakil dari Sungei Besi di

dalam ucapannya sebelum daripada ini. Pada wakil dari Lumut, Kementerian Kewangan ingin mengucapkan terima kasih.

Seterusnya wakil dari Bukit Bendera menyentuh tentang permainan golf. Mengikut beliau bola-bola golf, kayu-kayu golf dan sebagainya tidak dikenakan cukai oleh sebab bahawa permainan itu hanya dimainkan oleh Menteri, Timbalan Menteri dan Menteri Besar. Barangkali wakil dari Bukit Bendera ini tidak pernah pergi ke Golf Club, agaknya. Tiap-tiap satu Golf Club itu kadang-kadang dianggotai oleh beribu-ribu orang ahli. Kelab Golf Negara Subang misalnya mempunyai lebih 3,200 ahli. Saya percaya bukan semua 3,200 orang itu terdiri daripada pihak Menteri. Jadi saya tidak faham bagaimana beliau berani membuat satu statement yang agak begitu menyeluruh tanpa memeriksa dengan lebih teliti sebelum mengemukakan perkara itu. Oleh itu saya fikir tuduhan beliau adalah tidak betul.

Tuan Pengerusi, saya kembali sekali lagi kepada Wakil dari Parit Buntar yang mencadangkan supaya Kementerian Kewangan bekerjasama rapat dengan lain-lain Jabatan. Sebenarnya kerjasama di antara Kementerian Kewangan dan Jabatan-jabatan lain memang sentiasa ada. Beliau mencadangkan supaya peniaga-peniaga yang hendak membarui lesen-lesen hendaklah mengemukakan salinan keterangan cukai pendapatan. Saya sendiri tidak dapat memberikan kenyataan khusus di sini, tetapi perkara ini bolehlah dikaji dan sekiranya didapati sesuai boleh kita praktikkan, dengan tujuan mengurangkan penipuan di kalangan ahli-ahli perniagaan, kalau ada.

Wakil dari Batu Pahat telah mengemukakan cara penilaian dibuat terhadap bangunan-bangunan di Majlis Bandaran Bandar Maharani.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penilaian bagi maksud kadar dibuat mengikut tafsiran yang terkandung di dalam Seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan, 1956 dan bukan mengikut pendapat orang ramai. Walaupun demikian kalau sekiranya tuan punya bangunan masih tidak puas hati dengan penilaian itu, beliau itu bolehlah berhubung dengan pihak Jabatan yang berkenaan di bawah Kementerian Kewangan.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, itulah yang dapat saya berikan secara pilih-pilihan. Saya tidak dapat memberi ulasan kepada semua pandangan-pandangan yang diberi oleh ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi ini bukanlah bererti bahawa pandangan-pandangan mereka itu akan dilupakan; tiap-tiap satu akan diteliti; akan dianalisa dan sekiranya didapati sesuai dan menasabah dijalankan, maka pandangan-pandangan itu akan diterima oleh pihak Kementerian Kewangan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sebanyak \$71,830,500 untuk Maksud B. 29; \$843,379,200 untuk Maksud B. 30; \$126,000,000 untuk Maksud B. 31; \$107,304,600 untuk Maksud B. 32 dan \$68,831,800 untuk Maksud B. 33 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$71,830,500 untuk Maksud B. 29; \$843,379,200 untuk Maksud B. 30; \$126,000,000 untuk Maksud B. 31; \$107,304,600 untuk Maksud B. 32 dan \$68,831,800 untuk Maksud B. 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$540,201,840 yang disebutkan dalam

Maksud P. 29; \$33,568,877 untuk Maksud P. 32 dan \$400,000,000 untuk Maksud P. 65 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$540,201,840 untuk Maksud P. 29; \$33,568,877 untuk Maksud P. 32 dan \$400,000,000 untuk Maksud P. 65 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 34 (Jadual)—

Maksud P. 34 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 34 dan Kepala P. 34 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas.

5.48 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P. 34, Butiran 1 Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri sekarang sehingga tahun 1981 terdapat sebanyak 13 buah Perbadanan Kemajuan Negeri yang telah menubuhkan sebanyak 321 buah syarikat-syarikat yang melibatkan pelaburan yang bernilai sebanyak \$565 juta. Jadi daripada anak-anak syarikat yang begini banyak yang ditubuhkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri sudah tentulah anak-anak syarikat ini merupakan pertandingan kepada syarikat-syarikat lain khasnya syarikat-syarikat bumiputra lain di dalam mendapatkan peluang-peluang perniagaan dan juga peluang-peluang kontrak. Jadi persaingan ini sepatutnya tidak berlaku, sepatutnya Perbadanan Kemajuan Negeri ini

akan membimbing anak-anak syarikat bumiputra supaya anak-anak syarikat ini mendapat keuntungan yang lebih baik, tetapi sejauh yang kita tahu bahawa anak-anak syarikat dan Perbadanan Kemajuan Negeri ini sendiri merupakan persaingan yang hebat dengan badan-badan bumiputra ataupun syarikat-syarikat lain yang menyebabkan sudah tentulah syarikat yang kecil itu akan mendapat kerugian ataupun akan mendapat akibat yang kurang memuaskan apabila bertandingan dengan badan yang besar yang mendapat peruntukan lebih daripada \$130 juta kepada 13 buah Perbadanan Kemajuan Negeri ini. Jadi projek-projek bukanlah kadang-kadang projek-projek yang dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Negeri (SEDC) ini sendiri dibuat oleh kontraktornya sendiri, jauh sekali benda-benda ini dapat diberi kepada syarikat-syarikat bumiputra. Dengan keadaan ini wujudnya Perbadanan Kemajuan Negeri ini bukan sahaja boleh menolong bumiputra tetapi sebaliknya merupakan satu pertandingan kepada kontrak-kontrak bumiputera dan juga kepada syarikat-syarikat bumiputera.

Selain daripada itu Perbadanan Kemajuan Negeri ini sepatutnya apa yang difikirkannya ialah keuntungan, dia tidak akan mengalami kerugian sepatutnya, tetapi kalau sekiranya berlaku kerugian bermakna itu berlaku satu penyelewengan kerana setakat ditubuhkan Perbadanan Kemajuan Negeri ini segala kemudahan diberi oleh Kerajaan, baik dari segi membina kedai-kedai, membina gudang-gudang, mereka ini mendapat kemudahan yang begitu banyak daripada Kerajaan, bukan sahaja dari segi pengambilan tanah yang dibayar dengan cara pampasan dan menggunakan tanah-tanah Kerajaan yang hanya membayar dengan harga token dan membina rumah-rumah diatas tanah tersebut. Sudah tentu perniagaan seperti ini

mendapat keuntungan dan kalau tidak Perbadanan Kemajuan Negeri sendiri pun kalau kita bandingkan bahawa memang ini akan memberi keuntungan. Jadi kalau sekiranya kita mendengar bahawa SEDC ini mengalami kerugian sudah tentu ada sesuatu yang tidak baik berlaku di dalam Perbadanan seperti ini.

Selain daripada itu saya suka hendak menyebutkan tentang pinjaman yang diberi. Pinjaman yang diberi ini sepatutnya pihak Kerajaan atau pihak Kementerian ini akan mendapat bayaran balik yang mengikut jadualnya kerana sebagaimana yang kita tahu wang yang diberi pinjam itu digunakan untuk pembangunan sebagaimana saya kata tadi, tetapi kalau sekiranya keuntungan yang didapati itu seharusnya membayar balik pinjaman-pinjaman itu mengikut jadual tidak terlewat.

Yang paling akhir berkenaan dengan ini saya suka hendak menyebutkan bahawa banyak pegawai-pegawai SEDC ini apabila dia berhenti dia dapat menjalankan perniagaan sendiri dengan lebih baik dan untung. Nasib baiklah mereka yang berkemajuan ini berhenti dan berniaga pula kedai sendiri, tetapi yang kita takut yang masih bekerja dengan SEDC itu menjalankan kegiatan perniagaan seperti ini. Jadi dari segi apa yang disebut tadi bukan saya hendak menyebutkan bahawa pegawai ini menjalankan perniagaan tetapi bermakna pegawai-pegawai yang berhenti daripada sini menjalankan perniagaan sendiri adalah lebih baik dan mereka yang duduk di dalam itu kalau sekiranya menjalankan perniagaan seharusnya tidak berada di dalam Badan seperti ini.

Selain daripada itu saya hendak menyebut kepada Butiran 4100, muka surat 349, Program (7) Pemberian

Subsidi Harga Padi sebanyak \$180 juta. Sebenarnya bukanlah saya hendak menyebut perkara ini telah disebut beberapa kali bahawa pemberian subsidi harga padi yang diberi ini tidak memberi keuntungan kepada petani-petani kecil walaupun kita tahu sumbangan petani-petani besar yang mempunyai tanah beribu-ribu ekar atau mempunyai tanah beratus-ratus furlong dan mendapat beratus-ratus punca padi, orang inilah yang memberi sumbangan kepada negara untuk pengeluaran hasil padi, tetapi orang seperti ini tidak sepatutnya menerima subsidi kerana subsidi ini diberi kepada petani-petani kecil yang membuat padi secara kecil-kecilan dan pembuat-pembuat padi ini kalau kita kata sebanyak 6 ekar dia buat padi, saya rasa 6 ekar padi dia tidak boleh jual lagi, dia tidak dapat menjualnya. Jadi kalau sekiranya subsidi yang sebegitu banyak ini sudah tentu boleh kepada petani-petani besar, petani-petani yang telah kaya. Walaupun hasrat Kerajaan untuk tanam padi untuk menggalakkan penanam padi menambahkan hasil negara dan mereka inilah yang merupakan tonggak yang mengeluarkan padi yang banyak tetapi subsidi itu sendiri sepatutnya tidak diberi berdasarkan harga padi tetapi diberikan berdasarkan ekar yang dibuat oleh petani itu kerana kita tahu mungkinlah di kawasan MADA yang mendapat padi, Tanjong Karang dan juga beberapa tempat yang lain, KADA pun tak ada orang yang membuat padi banyak, pendek kata seluruh Kelantan mereka tidak mendapat faedah daripada harga padi ini. Kalau harga padi ini yang dapat hanya kepada orang-orang tengah yang bawa lori kecil pergi beli padi dari rumah ke rumah, kalau jual sepikul mereka tidak bawa ke kilang LPN. Kalau jual 2 pikul pun mereka tak bawa ke LPN, dijual kepada perah-peraeh atau kedai-kedai kecil dan mereka inilah yang akan membolot subsidi yang akan diberikan

oleh Kerajaan ini. Jadi bukanlah mengatakan apa yang dibuat itu tak betul, tetapi mencadangkan kalau beri pilihan sama ada satu kawasan mendapat padi banyak beri berdasar harga padi, tetapi kalau kawasan yang tidak mendapat padi banyak, padinya tidak dapat dijual takkanlah kita hendak menggalakkan semua rakyat kita menjual padi kerana berkehendakkan subsidi, ini adalah tidak patut. Jadi biarlah pemberian subsidi ini diberi berdasarkan ekar padi yang dibuat atau keluasan tanah yang dibuat sebagaimana satu cadangan yang ditimbulkan dahulu.

Kita telah dengar bahawa sekarang ini kalau petani-petani kecil ini untuk mendapat subsidi ini sudah tentu mereka tidak dapat simpan padi, mereka jual padi dan beli beras, tetapi apabila menjual padi dan mendapat wang itu untuk membeli beras sejauh manakah keadaan itu akan dapat menjamin kehidupan keluarga kerana apabila benda itu telah menjadi wang sudah tentulah mereka tidak dapat menyusunkan kehidupannya dengan kewangan yang dapat itu kerana mereka ini kurang pengalaman atau kurang dari segi pengurusan kewangan keluarga mereka, tetapi biarlah setidak-tidaknya pemberian subsidi padi di bawah anjuran LPN ini akan mendapat faedah kepada petani-petani kecil.

Saya rasa selain daripada itu tidak ada di bawah Kementerian Perusahaan Awam, jadi saya menyokong peruntukan yang diberi. Sekian, terima kasih.

5.59 ptg.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong anggaran perbelanjaan di bawah Maksud Bekalan B. 34 tahun 1983. Dalam turut membahas peruntukan ini saya ingin menyentuh

hanya satu Butiran sahaja, iaitu Kod 4100 khususnya Program (3), (5) dan (7) di bawah Butiran tersebut.

Saya sedar Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah pun berucap tentang perkara ini tetapi mungkin saya dapat beri pandangan dari sudut yang berlainan sedikit.

Peruntukan di bawah Program (3) ialah khusus untuk Lembaga Padi dan Beras Negara. Program (5) Pemberian kepada Lembaga Padi dan Beras Negara sebagai modal tambahan untuk pembelian padi dan Program (7) Pemberian Subsidi Harga Padi.

Tuan Pengerusi, wang sebanyak \$180 juta diperuntukkan bagi maksud Pemberian Subsidi Harga Padi. Wang ini akan dibelanjakan untuk menyelenggarakan Skim Subsidi Padi. Seperti Tuan Pengerusi sedia maklum skim tersebut mempunyai dua matlamat. Pertama adalah bagi menjamin kestabilan harga beras yang berpatutan untuk memelihara kepentingan pengguna dan kedua adalah bagi menentukan supaya penanam-penanam padi menerima pendapatan yang berpatutan juga.

Tuan Pengerusi, wang sebanyak \$180 juta ini seharusnya mengalir ke tangan penanam-penanam padi itu sendiri akan tetapi masih banyak terdapat pembocoran kepada pihak-pihak lain oleh sebab penyelewengan dan kadangkala penipuan. Saya beri satu contoh, Tuan Pengerusi, dalam tahun 1981 kalau dihitungkan daripada wang subsidi yang dituntut dalam negeri Perlis, daripada wang subsidi ini bermakna Perlis telah mengeluarkan padi sebanyak 2.6 juta pikul. Angka ini tidak betul dan lebih banyak daripada apa yang sebenarnya. Kalaulah wang subsidi telah dituntut atas pengeluaran padi sebanyak ini, ini bermakna padi itu semestinya datang dari luar. Jadi Nampak secara

langsung kita telah memberi subsidi kepada penyeludup padi sedikit sebanyak.

Satu lagi perkara yang berlaku adalah apa yang boleh kita katakan sebagai satu 'phenomena roundabout'. Di kilang-kilang swasta akan terdapat sebuah lori yang penuh diisi dengan guni-guni padi yang masuk di pintu hadapan dan keluar dari pintu belakang membawa muatan yang sama, masuk pula sekali lagi. Begitulah "phenomena roundabout" dan di sini juga satu punca penipuan dalam skim ini. Sungutan-sungutan yang seringkali didengar dari penanam-penanam padi berkenaan dengan skim ini ialah bersabit dengan potongan berat kelembapan dan potongan berat sampah dalam padi yang dijual yang tidak seimbang di antara penanam-penanam perseorangan dan juga dari sebuah pusat ke sebuah pusat yang lain. Banyak rakyat yang percaya adanya pilih kasih dan pilih bulu dalam pemotongan ini. Oleh itu adalah diharapkan semoga pihak LPN akan dapat mengemaskinkan jentera pengawasan agar Kerajaan benar-benar mencapai maksud mengadakan peruntukan sebesar ini.

Tuan Pengerusi, tadi ada saya dengar saranan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengesyorkan supaya kita ubahkan dasar Skim Subsidi Padi ini supaya berasaskan luas sawah atau bendang. Saya tidak bermaksud hendak menentang sesuatu yang di sarankan oleh backbencher yang lebih senior dari saya tetapi demi pencapaian yang lebih tinggi untuk kepentingan rakyat, saya minta perhatian tentang beberapa perkara yang mungkin timbul kalau kita melaksanakan skim subsidi berasaskan luasnya sawah.

Pertamanya, pada prinsipnya kita akan memberi subsidi kepada harta dan bukan kepada usaha. Kita

memberi subsidi kepada orang ada tanah. Apa yang kita hendak dan apa yang patut dibuat adalah subsidi di atas daya usaha dan bukan di atas harta.

Keduanya, saya bimbang kalau dilaksanakan skim yang sedemikian rupa berkemungkinan oleh kerana pendapatan sudah tetap tidak usahlah tambah baja di sawah, tidak perlulah kita jaga bendang dengan baiknya. Jadi mungkin pengeluaran padi pada keseluruhannya bukan sahaja akan tidak meningkat malah mungkin menurun. Itulah dua pandangan yang saya harap mendapat pertimbangan daripada pihak-pihak yang mahu dilaksanakan satu skim subsidi berdasarkan luasnya sawah.

Jadi, dengan sepatih dua itu, saya mengucapkan terima kasih.

6.07 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk turut sama memberi pendapat di dalam menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perusahaan Awam yang ada di hadapan kita pada petang ini.

Saya ingin menyentuh Butiran 1200, Program (2) mengenai Lembaga Pelesenan dan Pengangkutan Jalan.

Tuan Pengerusi, di bawah Lembaga ini ataupun melalui Lembaga ini banyak lesen-lesen untuk teksi dikeluarkan sehingga setakat bulan Ogos tahun ini sebagaimana dilaporkan bahawa 4,030 permit telah diluluskan untuk teksi. Selain daripada teksi ini juga, lesen-lesen pengangkutan juga diberi kepada bas persiaran dan bas sekolah selain daripada untuk bas ekspres dan lain-lain.

Satu masalah yang dihadapi oleh pemandu-pemandu teksi ataupun tuanpunya-tuanpunya teksi yang

begitu banyak sekarang ini ialah kesulitan mereka untuk mendapatkan penumpang-penumpang (passengers). Ini disebabkan oleh satu daripada faktornya ialah kerana pada hujung-hujung minggu permit-permit sementara dikeluarkan juga kepada bas persiaran dan bas-bas sekolah untuk mengangkut penumpang-penumpang daripada satu tempat ke satu tempat yang lain. Ini bukanlah bermakna saya menyokong pemandu-pemandu teksi dan tidak menyokong atau tidak diambil kira kepada tuanpunya-tuanpunya bas sekolah dan tuanpunya-tuanpunya bas persiaran. Tinggal lagi, satu kajian semula hendaklah dibuat untuk kesemua tiga-tiga pemegang lesen ini sama ada pemegang lesen teksi, pemegang lesen bas persiaran dan bas sekolah mendapat faedah yang sebaik-baiknya. Ertinya, walaupun kita membenarkan permit-permit sementara di hujung minggu kepada bas-bas persiaran dan bas-bas sekolah tetapi kita juga kena juga mengambil kira kesulitan dan kesusahan yang dihadapi oleh pemandu-pemandu teksi ini.

Oleh itu, saya menyarankan kepada Kementerian Perusahaan Awam mencari satu jalan supaya dapat menimbang semula kebenaran yang diberi kepada bas persiaran dan bas sekolah untuk mengangkut penumpang-penumpang di hujung-hujung minggu dengan tujuan untuk memberi pengagihan penumpang yang adil kepada pemandu-pemandu teksi.

6.12 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya juga suka mengambil bahagian dalam perbincangan atas Bekalan B. 34 berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Awam, muka surat 347, Program (2) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Dalam membahaskan peruntukan ini, saya suka mengambil peluang ini untuk menyampaikan kesusahan yang dialami oleh sebilangan besar pemandu-pemandu teksi dari semua kaum di Bandaraya Kuala Lumpur yang sentiasa mengadu kepada saya, sebagai Wakil Rakyat, tentang kerumitan dan kesusahan yang dialami oleh mereka apabila mereka hendak memohon lesen teksi.

Tuan Pengerusi, sungguhpun saya sedar bahawa Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan ada mengeluarkan banyak lesen-lesen kepada pemandu-pemandu teksi pada masa yang lepas dan sehingga hari ini, akan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa terdapat lebih ramai pemandu-pemandu teksi di Bandaraya Kuala Lumpur yang telah memandu teksi selama 10 tahun ke atas dan yang benar-benar bergantung kepada memandu teksi untuk mencari nafkah dan kumpulan ini adalah termasuk orang-orang bekas perajurit.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Kementerian yang berkenaan tentang kes-kes di mana pemandu-pemandu teksi telah menjalani hidup sebagai pemandu teksi tidak kurang daripada 10 tahun dan dalam sepanjang tempoh 10 tahun atau lebih ini, mereka memandu teksi dengan cara menyewa teksi orang lain. Mereka ini sudah puas turun naik. Pejabat Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan untuk bertanyakan borang dan permohonan yang dibuat, akan tetapi jawapan yang diterima oleh mereka ialah ditolak tanpa apa-apa alasan dan mereka ini dikehendaki membuat rayuan dalam tempoh 10 hari dari tarikh surat penolakan kepada pemandu-pemandu teksi itu.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menggesa Kementerian yang berkenaan dan khususnya Lembaga

Pelesenan Pengangkutan Jalan supaya mengambil berat tentang permohonan-permohonan daripada pemohon-pemohon teksi yang telah menyampaikan permohonan mereka dan yang telah memandu teksi selama 10 tahun ke atas supaya mereka diberi peluang untuk mendapatkan lesen.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin menyentuh ialah berkenaan dengan Maksud Pembangunan P. 34, muka surat 350 tentang Perbadanan Pembangunan Bandar. UDA (Perbadanan Pembangunan Bandar) telah diperuntukkan satu pinjaman sebanyak \$225,604,000 untuk membiayai banyak kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh UDA bagi tujuan untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru. Saya suka mengambil peluang ini untuk menyampaikan beberapa pandangan bagi pihak peniaga-peniaga yang wujud sekarang di kawasan saya, Kuala Lumpur Bandar, terhadap apa yang dilihat oleh mereka berkaitan dengan kegiatan-kegiatan UDA.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa UDA telah diberi kuasa untuk memainkan satu peranan yang aktif di dalam pembangunan bandar ataupun pembaharuan bandar, saya ingin menyatakan di sini adalah sangat mustahak bahawa tentang segala kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh UDA ini adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan tidak menyeleweng dari prinsip-prinsip asas yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru.

Saya tentulah menyokong segala aktiviti-aktiviti UDA dan usaha-usaha UDA untuk menjalankan pembaharuan bandar, tetapi setelah memerhatikan berbagai rancangan-rancangan di Kuala Lumpur saya terpaksa menyatakan di sini bahawa peranan UDA pada masa sekarang di

dalam pembaharuan bandar di Bandaraya Kuala Lumpur ini telah menimbulkan keresahan ataupun kebimbangan di kalangan masyarakat peniaga bukan bumiputera. Keresahan dan kebimbangan ini adalah berasaskan kepada fakta bahawa menurut dari cara yang digunakan oleh pihak UDA menjalankan rancangan pembaharuan bandar untuk menunaikan matlamat Dasar Ekonomi Baru nampaknya dengan jelas bahawa ada berlaku penyelewengan sepenuhnya dari prinsip-prinsip asas mengenai pelaksanaan DEB itu.

Pihak kami sentiasa diberitahu oleh Kerajaan bahawa dalam pelaksanaan DEB ini tidak seorang pun di dalam masyarakat Malaysia perlu mengalami atau berasa kehilangan perniagaan atau hak-haknya—keistimewaan bekerja dan peluang akan tetapi nampaknya dalam cara yang digunakan oleh UDA dalam membaharukan bandar misalnya dalam kawasan saya ada beberapa contoh yang saya ingin menyebutkan di sini dan tentang apa yang telah berlaku tentang projek-projek UDA di Jalan Silang, Jalan Rodger, Jalan Mac Arthur, Lorong Sultan dan termasuk projek Daya Bumi ini. Semua ini nampaknya telah menimbulkan keresahan di kalangan para peniaga yang wujud sekarang tentang cara yang digunakan oleh UDA dalam melaksanakan projek-projek yang disebutkan oleh saya tadi. Misalnya dalam hal Lorong Sultan dalam bandaraya Kuala Lumpur. Saya sangat kesalkan bahawa mangsa-mangsa telah diusir awal tahun ini tetapi projek UDA belum dimulakan sementara mereka yang telah dijanjikan tempat kediaman oleh Pihakberkuasa Tempatan sehingga hari ini belum diberi tawaran tempat tinggal. Saya harap bahawa Setiausaha Parlimen akan mengambil perhatian tentang hal ini dan terus dapat campur tangan untuk menentukan bahawa

mangsa-mangsa yang disebutkan oleh saya tadi dapat diberikan tempat tinggal oleh Pihakberkuasa Tempatan.

Contoh yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah mengenai projek Daya Bumi di mana Pasar Besar Kuala Lumpur telah diberi notis untuk diruntuhkan pada akhir tahun hadapan dan sehingga ini 641 tuannya-tuannya gerai di dalam Pasar Besar Kuala Lumpur ini belum pun diberi jaminan ataupun penyelesaian yang memuaskan kepada masalah pengusiran mereka. Keruntuhan Pasar Besar Kuala Lumpur ini akan memberi akibat yang serius bukan sahaja kepada 641 orang tuannya-tuannya gerai tetapi juga kepada orang ramai dan terutamanya kepada restoran-restoran dan kedai-kedai makanan yang bergantung kepada sebuah Pasar Besar untuk bekalan makanan. Sewaktu Soal-Jawab di Parlimen saya telah diberitahu bahawa sekiranya Pasar Besar diruntuhkan tuannya-tuannya gerai tidak akan ditempatkan semula di dalam sebuah Pasar Besar tetapi di pasar-pasar daerah yang mana nampaknya butir-butir yang berkenaan belum lagi diumumkan. Menempatkan semula tuannya-tuannya gerai-gerai ini ke pasar-pasar daerah adalah tidak praktik kepada masalah yang ada memandangkan bahawa sebuah bandaraya seperti Kuala Lumpur sepatutnya mempunyai sebuah pasar besar di mana ianya boleh menunaikan keperluan-keperluan orang ramai di bawah satu bumbung.

Saya ingin menggesa Kementerian yang berkenaan terutama UDA supaya memberi lebih banyak butir-butir mengenai apa yang mereka bercadang hendak buat dan sama ada sebuah Pasar Besar akan didirikan oleh pihak UDA di tapak yang sesuai di Kuala Lumpur untuk menempatkan 641 orang tuannya-tuannya gerai

yang terpaksa pindah dari Pasar Besar yang ada sekarang ini oleh kerana projek Daya Bumi.

Saya juga ingin menggesa pihak UDA supaya membuat satu penempatan semula yang adil dan saksama kepada masalah Pasar Besar dengan membina sebuah Pasar Besar yang baru untuk menempatkan semua yang ada terlibat.

Memandangkan bahawa UDA akan memulakan lebih banyak projek lagi di masa hadapan, saya ingin mengingatkan pihak UDA supaya dalam melancarkan dan dalam melaksanakan segala aktiviti-aktiviti mereka bahawa tindakan diambil untuk menentukan bahawa **tidak ada** berlaku penyelewengan dari prinsip-prinsip Dasar Ekonomi Baru. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

6.27 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya minta maaf saya bercakap sekali lagi. Saya akan bercakap dari segi B. 34 Program (2) iaitu Lembaga Pelesenan dan Pengangkutan Jalan.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian ini dan juga Jabatan ini yang telah mengeluarkan banyak permit-permit bagi pemandu-pemandu dengan hasrat untuk mereka itu memandu sendiri. Tetapi hasrat ini adalah baik dan sepatutnya perkara ini digalakkan dan dikeluarkan lebih banyak lagi. Cuma saya hendak menyentuh di sini ialah tentang pengusaha-pengusaha teksi yang daripada mula lagi pengusaha ini telah memiliki banyak permit-permit teksi sampai kepada satu orang ada memiliki sampai 40 permit. Permit ini dibeli ataupun disewa daripada orang yang mendapat permit tetapi tidak mampu membeli motokar pada suatu

masa dahulu dan sehingga sekarangpun perusahaan itu masih berterusan berjalan iaitu membeli dan menyewa permit-permit teksi ini. Mengikut jawapan satu masa dahulu bahawa mereka yang tidak memandu sendiri ini suatu masa perमितnya akan ditarik balik selepas tujuh tahun apabila mereka itu hendak membaharui semula ataupun selepas tujuh tahun mereka itu dengan cara hendak membaharui semula tetapi ini masanya adalah sangat lama.

Jadi, saya minta supaya pihak Kementerian dan juga Lembaga Pelesenan Jalan ini supaya dapat menarik serta-merta daripada pengusaha ini kerana mereka itu tidak memandu sendiri permit yang dikeluarkan. Ada setengahnya sudah empat lima tahun disewa kepada pengusaha-pengusaha yang telah menjalankan perniagaan teksi ini dan apabila ditarik balik bermakna lebih banyak lagi permit teksi ini dapat dikeluarkan kepada pemandu-pemandu yang benar-benar hendak mencari makan untuk memandu teksi.

Yang kedua, saya menyentuh Butiran 5, mukasurat 350 iaitu Lembaga Padi dan Beras Negara. Walaupun perkara ini telah saya timbulkan tetapi bukan di Kementerian ini, apa yang saya hendak timbulkan di sini ialah kelengkapan yang ada di Kompleks-kompleks LPN iaitulah hasil daripada pemberian subsidi begitu banyak padi-padi itu dijual kepada kompleks ini. Sepanjang yang saya tahu kompleks ini tidak cukup kelengkapan-kelengkapan untuk menjemur padi (dryer) yang ada dimiliki oleh setengah-setengah pihak Kompleks LPN yang menyebabkan padi itu kurang kering disimpan. Apabila disimpan mengikut satu kenyataan yang saya terima bahawa padi itu apabila disimpan lebih daripada sebulan maka beras yang akan

dikeluarkan akan menjadi merah dan akan melahirkan mutu beras yang tidak baik. Jadi, saya hanya mencadangkan sekiranya kelengkapan itu tidak mencukupi supaya pihak Kementerian ini memberi peruntukan yang lebih supaya kemudahan-kemudahan dryer dan kemudahan-kemudahan yang ada di kompleks itu ditambah.

Saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Butiran 4100—Pemberian Subsidi Harga Padi. Sebenarnya, kesilapan saya sendiri kerana saya tidak menerangkan secara halus kepada Dewan ini tentang cara-cara untuk memberi berdasarkan acreage ataupun berdasarkan keluasan tanah. Tetapi apa yang saya sebut ialah supaya Kementerian ini menjalankan pemberian subsidi harga padi ini berdasarkan syarat asal. Sebenarnya syarat asal telahpun timbul oleh pihak Kementerian ini iaitu subsidi ini diberi berdasarkan sebagaimana pemberian subsidi baja yang iaitu tidak lebih daripada 6 ekar.

Mengikut anggapan bahawa satu ekar mereka akan dapat kira-kira 4 pikul padi, maka kalau \$10 satu pikul hendak diberi bermakna satu ekar petani akan dapat \$40. Kalau mereka mempunyai tanah 10 ekar atau berapa ekar, diberi hanya 6 ekar mereka akan mendapat \$240 sebagai subsidi kepada harga padi dan, ini tidak timbul berdasarkan tidak usaha ataupun usaha. Kalau mereka tidak usaha padi atau tidak tanam padi macam mana mereka boleh dapat subsidi tetapi diberi berdasarkan tanah yang diusahakan. Kalau tanah itu 10 ekar dia usaha tiga ekar, kita beri subsidi 3 ekar. Kalau tanah 10 ekar diusahakan 10 ekar tetapi kita akan beri subsidi kepada 6 ekar kerana 6 ekar ini ialah sebenar-benarnya petani yang miskin. Ini sebagaimana tadilah sebagai satu cara untuk mengatasi sebagaimana Wakil dari Arau kata tadi banyak

diseludup daripada Siam, dan dijual kepada LLN dapat subsidi, selepas itu masuk pintu depan, keluar pintu belakang, balik ke LPN. Jadi subsidi diulang tiga kali dapat kepada orang tengah, jadi hasilnya subsidi ini diberi kepada mereka yang pintar dan mereka yang kaya yang padinya banyak.

Kalau dibuat dengan berdasarkan acreage ini, berdasarkan 6 ekar atau diusahakan 3 ekar, beri 3 ekar. Ini mungkin pegawai-pegawai akan dapat menentukan tanah keluasan yang dibuat. Ini mungkin menjadi masalah tetapi ini akan dapat diatasi kalau sekiranya kita berhati-hati dalam perkara ini. Kalau kita hendakkan benda itu semuanya complete atau semuanya tidak cacat tentulah tidak ada, tetapi saya rasa bahawa acreage ini adalah lebih baik berdasarkan sebagaimana pemberian baja. Itulah cadangan asal dahulu. Jadi, dengan cara itu maka subsidi padi ini setidak-tidaknya akan benar-benar dapat kepada para petani yang miskin. Itu matlamat saya, bukan untuk diberi kepada subsidi harta kerana kalau orang kaya ada 40 ekar tanah mereka tidak akan dapat 40 ekar. Mereka hanya dapat padi yang dibuat berdasarkan 6 ekar selebih-lebihnya sebagaimana pemberian baja. Itulah kesilapan saya kerana tidak menerangkan dari segi bagaimana cara acreage yang akan dijalankan. Jadi, saya rasa itulah sahaja. Sekali lagi saya menyokong dasar Kementerian ini dalam menjalankan kewangannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit Buntar.

6.37 ptg.

Tuan Abdul Raman bin Suliman (Parit Buntar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan kepada Kementerian Perusahaan

Awam ini kerana saya rasa peruntukan-peruntukan yang diberikan adalah wajar. Bagi kawasan saya sendiri Kementerian Perusahaan Awam telah banyak memberi kemudahan-kemudahan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan soal Butiran 4100 iaitu Bayaran Pemindahan Pemberian Subsidi Harga Padi. Tadi saya telah mendengar hujah-hujah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan juga daripada Arau. Saya juga bersenpendapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh iaitu kita haruslah melihat kenyataan yang berlaku sebenarnya dan kenyataan-kenyataan ini daripada perhatian yang telah saya lihat sendiri, bukan sahaja sistem roundabout sepertimana kata Ahli Yang Berhormat dari Arau itu berlaku, bahkan sistem tunggu gelap juga berlaku di dalam sistem kupon yang diamalkan ini.

Sistem tunggu gelap ini, maksud saya ialah kebanyakan bantuan-bantuan ini terlepas kepada pengilang-pengilang yang bijak berpakat dengan pihak-pihak yang tertentu. Kerana kalau kita lihat penerimaan pembelian padi selalunya di kilang-kilang yang mana diperhatikan ataupun dilaksanakan bersama-sama dengan pihak pegawai daripada LPN ialah setakat pukul 6.00 sahaja tetapi sedangkan padi-padi petani-petani dibawa ke kilang-kilang bukan sahaja pukul 6.00 petang, bahkan pukul 12.00 malam pun ada. Jadi dengan hal yang demikian, padi-padi yang dibawa selepas pukul 6.00 oleh petani-petani ditempatkan di kilang-kilang tertentu. Jadi dalam hal ini kalau padi petani-petani itu ditimbang ke esokan harinya tidaklah menjadi kerugian kepada pihak Kerajaan tetapi apa yang berlaku terkadang-kadang pihak pengilang sendiri memasukkan padi-padi yang telah ada ke lori-lori mereka

dan besok ditimbang sekali lagi. Inilah maksud saya sistem tunggu gelap, maknanya tunggu malam naikkan semula padi-padi itu ke dalam lori-lori yang tertentu.

Jadi bukan maksud saya ingin bercanggah dengan Ahli Yang Berhormat dari Arau yang mengatakan kalau kita memberi subsidi dalam bentuk keluasan tanah, kita tidak menggalakkan orang berusaha. Sebenarnya, kalau kita lihat bahawa tujuan kita memberi bantuan ini ialah kepada petani-petani ataupun pesawah-pesawah yang miskin yang kurang daripada 6 ekar. Jadi dalam hal yang demikian, selalunya tanah-tanah yang terbiar berlaku adalah disebabkan oleh mereka yang sama ada mempunyai banyak sawah ataupun bagi mereka yang ada sedikit tidak dapat mengerjakan oleh kerana tidak cukup pendapatan hasil daripada padi-padi tersebut. Jadi, jika kita memberi subsidi dalam bentuk keluasan tanah, kita boleh juga mengelakkan daripada soal tidak usaha, bahkan kita boleh mengurangkan lagi tanah-tanah rang yang selama ini sedang berlaku, kerana apabila kita memberi subsidi dalam bentuk keluasan tanah dengan syarat kita hendaklah tentukan syarat-syaratnya iaitu mereka mestilah mendapat subsidi selepas mereka menanam padi mereka. Kalau tidak di usaha maknanya tidak dapat bantuan ataupun subsidi tersebut. Jadi, soal tidak usaha ini tidak timbul dan soal tanah yang akan dapat kita elakkan kerana sudah tentulah apabila kita mendapat subsidi beberapa ratus ringgit yang tertentu mengikut keluasan tanah, maka mereka akan mengerjakan tanah itu kerana mengharapkan juga untuk mendapat bantuan subsidi.

Mengenai soal kita sudah mendapat bantuan baja, itu adalah soal lain kerana bantuan baja memanglah satu

bantuan untuk meningkatkan pengeluaran tanah dan ini hendaklah diteruskan juga supaya pengeluaran padi akan bertambah meningkat dengan perhatian yang diberikan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan. Dalam hal ini terutamanya Jabatan Pertanian.

Tuan Pengerusi, yang kedua, saya ingin timbulkan berkenaan dengan permit-permit teksi yang mana kita tahu tujuan kita memberi permit-permit teksi ini ialah kepada mereka yang memandu sendiri ataupun yang ingin mencari nafkah setiap hari. Saya bersetuju dengan pihak Kementerian yang sekarang ini meluluskan permit-permit teksi kepada mereka yang benar-benar hendak menjalankan teksi itu sendiri, tetapi satu perkara yang harus menjadi perhatian ialah berkenaan dengan ada permit-permit teksi yang mana bapa kepada seorang anak yang telah meninggal, permit-permit teksi itu ditarik balik oleh Kementerian. Oleh kerana mereka yang memiliki permit teksi ini ialah mereka yang daripada golongan yang miskin ataupun yang kurang mampu maka Kementerian tolonglah perbetulkan perkara ini. Tetapi apabila pemilik teksi meninggal dunia. Dasar Kementerian menarik balik permit itu, maka keluarga yang meninggal sudah tentulah semakin menderita. Jadi, cara yang lebih baik ialah kita serahkan permit teksi itu kepada pentadbir sehingga anak kepada tuannya yang meninggal dunia itu apabila besar, cukup umur dia harus memiliki teksi itu. Ini adalah tujuan Kerajaan untuk memberi bantuan kepada keluarga yang miskin tidaklah pula setelah tuannya meninggal dunia, keluarganya akan menjadi lebih miskin lagi. Kementerian haruslah memberi perhatian kepada perkara ini.

Tuan Pengerusi, Butiran (Projek) 5, mukasurat 350 iaitu Lembaga Padi dan Beras Negara.

Saya ingin membangkitkan sedikit mengenai perkara ini iaitu bagaimana pihak orang-orang tengah telah menggunakan kebijaksanaan mereka mengeksploit petani-petani apabila mereka membeli padi iaitu dengan memotong berbagai-bagai potongan, iaitu potongan padi basah, potongan guni basah dan berbagai-bagai potongan lagi. Kadang-kadang sampai 30 atau 40 kati dalam seguni padi. Ini adalah satu perkara yang membebankan kepada petani-petani dan menimbulkan perasaan tidak puas hati kepada petani-petani. Dalam hal ini, saya menyeru kepada pihak Kementerian supaya meningkatkan lagi kecekapan dan keupayaan Lembaga Padi dan Beras Negara iaitu dengan memberi kemudahan-kemudahan dan kesanggupan membeli padi-padi ini dan kemudian dijual kepada pengilang-pengilang kerana selalunya pihak pengilanglah juga yang menjadi pembeli padi-padi ini dan merekalah yang menjalankan ataupun membeli padi secara tidak memuaskan ini.

Saya berseru supaya kita ataupun Kementerian memberi galakan supaya petani-petani itu sendiri yang akan membeli padi-padi tersebut melalui PPK (Pertubuhan Peladang Kawasan) kerana apabila petani tersebut yang membeli, maka segala penipuan ataupun penyelewengan akan dapat dielakkan. Sistem ini saya yakin kerana telah pun diamalkan kalau tidak silap saya di kawasan Tanjong Karang tetapi di kawasan-kawasan lain belum lagi dijalankan kerana dengan adanya sistem ini Pertubuhan Peladang Kawasan akan membeli padi-padi mereka sendiri dan menjualnya kepada pihak LPN dan LPN memberi komisyen kepada Pertubuhan Peladang Kawasan ini dan pihak pengilang-pengilang hanyalah membeli padi untuk proses menjadikan beras ataupun menjualkan beras ke kawasan luar.

melalui LPN sahaja. Dengan demikian tidaklah berlaku soal penyelewengan oleh orang-orang tengah. Itulah saya harap supaya perkara tersebut diberi perhatian dan kalau boleh bagi kawasan-kawasan di mana jelapang padi seperti negeri Kedah dan Perak, di kawasan Kerian dapat ditubuhkan ataupun diadakan sistem ini dengan lebih segera lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bagan Datok.

6.47 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Slow sahaja bangkit.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria : Saya fikir Tuan Pengerusi tidak benarkan. Terima kasih kerana membenarkan saya.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit bagi menyokong peruntukan Kementerian Perusahaan Awam dalam Belanjawan yang diperuntukkan untuk Kementerian ini.

Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Kementerian Perusahaan Awam dan saya ingin bercakap mengenai P. 34, muka surat 350 berkenaan dengan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).

Tidak dapat dinafikan bahawa apabila UDA dilaksanakan sehingga hari ini telah memainkan peranan yang penting dengan dapat membangunkan gedung-gedung perniagaan ataupun bangunan-bangunan yang besar di ibu negara ataupun di ibunegeri-ibunegeri bagi mencerminkan pencapaian ke arah Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan oleh Kerajaan.

Begitu juga saya ingin memperkatakan di muka surat 349, Butiran (Projek) 1, Maksud

Pembangunan yang diperuntukkan kepada pinjaman kepada Pemanduan Kemajuan Negeri-negeri. Ini juga kita dapati ada Perbadanan Kemajuan Negeri berusahasama dengan UDA untuk mendirikan kedai-kedai ataupun gedung-gedung perniagaan bagi bumiputra. Apa yang penting untuk Kementerian ini ialah melaksanakan dan mengawasi projek-projek pembangunan yang dibangunkan itu benar-benar memberi faedah dan menuju matlamatnya.

Misalnya dalam kawasan saya sendiri iaitu di Hilir Perak, Telok Intan sekarang, dahulu Telok Anson, PERUDA dan juga UDA telah membangunkan kedai-kedai besar dan juga gerai-gerai. Bangunan-bangunan yang berupa kedai-kedai besar itu memang tidak boleh dinafikan kebaikannya tetapi dari segi gerai-gerai yang dibangun adalah saya fikir perlu diperbaiki oleh kerana peniaga-peniaga sama ada bumiputra ataupun bukan bumiputra yang diperuntukkan bangunan di tempat itu tidak dapat tinggal di tempat mereka menjalankan perniagaan. Setahu saya setiap pengusaha-pengusaha untuk menjalankan perniagaan mestilah tinggal di tempat perniagaan itu barulah perniagaan mereka boleh berjalan dengan lancar dan baik.

Berkenaan dengan hakmilik kedai-kedai besar yang dibangunkan oleh anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri, misalnya, PERUDA dan UDA, kita dapati bahawa ada bumiputra yang memperolehi bangunan-bangunan itu tetapi dengan satu cara dan taktik yang sangat halus, degan secara memasukkan syarikat yang asal yang memiliki kedai itu tetapi dia telah berhenti daripada menjadi pemegang saham ataupun Lembaga Pengarah dan memasukkan nama orang-orang bumiputra. Ini sangatlah menyedihkan oleh kerana jika dibiarkan perkara ini

berlaku pencapaian 30% dasar ekonomi bumiputera itu tidak akan berjalan.

Satu lagi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 2200, muka surat 347 iaitu mengenai Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan iaitu berkenaan dengan pengangkutan barang-barang.

Saya mengucapkan tahniah di atas pengawasan Kementerian ini yang benar-benar untuk memberikan kepada bumiputra, umpamanya, lesen pengangkutan lori, begitu juga bas ekspres yang baru-baru ini hangat dipohon oleh pengusaha bumiputra iaitu untuk menjalankan bas Lebuh raya Ipoh-Kota Bharu dan sebagainya, tetapi walaupun pengawasan Kementerian ini begitu rapi supaya tidak berlaku di Ali-Babakan tetapi terdapat juga perkara itu masih dilakukan. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan ataupun Setiausaha Parlimen yang sekarang ini sangat cergas supaya benar-benar mengawasi kalau perlu diadakan pegawai-pegawai untuk mengawasi dari semasa ke semasa supaya perkara Ali-Baba ini tidak berjalan kepada pengusaha-pengusaha bumiputra kita.

Yang akhirnya, saya ingin menyentuh berkenaan muka surat 349, Maksud P.34, Pembangunan iaitu perkara 3 Bank Pembangunan Malaysia.

Kita tahu Bank Pembangunan Malaysia adalah menjalankan projek pinjaman untuk memberi pinjaman sama ada kepada bumiputra ataupun bukan bumiputra, terutama sekali dalam projek industri-industri kecil. Saya berharap Bank Pembangunan ini di Bawah Kementerian Perusahaan Awam akan melipatgandakan usaha-usaha untuk memberikan pertolongan ataupun pinjaman kepada pengusaha bumiputra, di samping itu mengawasi

perjalanan kilang-kilang yang didirikan itu supaya jangan terbengkalai. Misalnya, Bank Pembangunan telah memberikan pinjaman kepada sebuah anak syarikat Kemajuan Negeri Perak iaitu CCM di Hutan Melintang untuk memproses kelapa sawit tetapi malangnya kilang ini sudah tidak berjalan agak baik dan hampir tutup. Jadi, saya harap di samping bank-bank ini di bawah Kementerian Perusahaan Awam ini memberikan pertolongan diharapkan juga bimbingan atau pengawasan supaya pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh bank tersebut tidak akan menemui jalan yang buntu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Balik Pulau.

6.54 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap atas Maksud P. 34, muka surat 350—Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).

Tuan Pengerusi, setakat ini kemajuan yang telah dibuat oleh UDA, terutama sekali di Pulau Pinang adalah boleh dikatakan baik sekali di mana banyak projek, terutama sekali projek di Tanjung Tokong Yang kita dapati memberi faedah yang paling besar kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Jadi, saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan akan dapat menyejajarkan projek Fasal kedua dan Ketiga bersabitnya mungkin kerana masih ramai lagi orang yang telah mendaftarkan diri untuk mendapatkan unit-unit perumahan kos rendah yang dibina di situ masih menunggu agak lama juga. Begitu juga dalam masalah pembangunan di kawasan Sungai Nibong Kecil iaitu kawasan bandar Bayan Baru yang baru sahaja dimulakan. Jadi di dalam hal ini saya

berharap pihak UDA akan dapat memberi maklumat yang lebih awal kepada penduduk-penduduk di sekitarnya supaya dapat mereka menyediakan diri pihak-pihak yang ingin memiliki unit-unit perumahan di situ akan dapat bersedia sama ada daripada segi kewangan dan lain-lain untuk menyertai projek yang telah dijalankan di kawasan yang tersebut.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh tentang pernah UDA selama ini mengadakan ruang-ruang perniagaan kepada bumiputra dan bukan bumiputra di kawasan bandar yang sedia ada di kawasan bandar-bandar baru. Dalam hubungan ini kalau kita lihat apa yang telah berjalan selama ini, terutama dalam bandar Kuala Lumpur sebagai contoh, projek di bangunan Pertama Kompleks di mana kita dapati ruang-ruang niaga yang telah diperuntukkan kepada peniaga bumiputra itu, sesudah kita berikan, setelah kita peruntukan kepada bumiputra, mereka itu berniaga tidak lama, ada yang dua tahun, atau ada yang setahun sahaja, sekarang ini tinggal kosong dan dimasuki oleh orang lain. Dalam hubungan ini kita dapati mereka itu tidak mempunyai pengalaman dalam perniagaan, dalam persaingan perniagaan dengan peniaga-peniaga yang lain. Maka itu sebabnya apabila mereka itu ditempatkan di satu tempat di mana orang-orang yang ada lebih berpengalaman yang bukan bumiputra berniaga sama, maka mereka itu ketinggalan.

Jadi, saya suka mencadangkan, pihak UDA selain daripada mengadakan peluang ruang-ruang niaga kawasan-kawasan perniagaan dalam bandar yang sedia ada itu, UDA patutlah meninjau supaya mengambil kawasan tanah yang ada untuk dibuat pembangunan pada masa

akan datang. Misalnya, kawasan-kawasan yang dijangka akan dijadikan kawasan bandar baru, di negeri Pulau Pinang ada dua-tiga tempat yang Kerajaan Negeri sedang merancang bandar baru, jadi patutlah UDA mengambil tanah itu sebagai bandar baru yang akan didirikan.

Jadi, buat permulaan UDA tidak perlu mengadakan bangunan yang hebat, memadai kita mengadakan setor-setor sahaja, kita mengadakan warung atau setor yang perbelanjaannya tidak mahal. Jadi apabila bandar itu dibangunkan maka kedai-kedai tadi dapat kita perbaiki dari masa ke semasa. Dengan adanya orang yang ada pengalaman yang begini, saya yakin bolehlah peniaga bumiputra itu meningkat dari satu masa ke satu masa. Kalau kita buat bangunan yang begitu mahal yang kita terpaksa mengambil sewa tak kurang daripada seribu ringgit sebulan, jadi kepada bumiputra yang kurang pengalaman dan kurang daripada segi modal tentulah tidak mampu untuk bersaing dengan yang lain-lain. Kita boleh memadai menyediakan ruang-ruang niaga yang boleh digunakan untuk simpan barang-barang kita dengan selamat. Jadi diadakan setor-setor yang berharga sederhana ataupun yang lebih murah. Saya dapati ada dua tiga tempat dalam bandar Kuala Lumpur ini di mana setor-setor yang dibuat itu kita nampak bumiputera di situ boleh berniaga bertahun-tahun kerana mereka mampu membayar sewa dan sebagainya. Jadi setelah mereka mempunyai pengalaman, bolehlah mereka meningkat dari semasa ke semasa.

Berbalik kepada cadangan saya tadi, saya cadangkan supaya pihak UDA dapat mengambil tapak-tapak

yang kita jangka bandar baru akan didirikan, kita ambil 5-6 ekar sediakan tempat untuk dijadikan macam setor ataupun warung, kita beri peluang kepada peniaga-peniaga atau penjaja-penjaja masuk dahulu.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada esok hari.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang Dipertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 23hb November, 1982.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.00 malam.